

REVISI SPM

**Konsep Kekurangan, Pilihan, dan Kos Lepas**  
**Pengertian Ekonomi**

1. Ilmu ekonomi ditakrifkan sebagai kajian sains sosial tentang bagaimana manusia mengurus **sumber ekonomi yang terhad** untuk memenuhi **kehendak yang tidak terhad**.
2. Kehendak manusia yang terhad bermakna **keinginan individu atau masyarakat** untuk mendapat pelbagai jenis barang dan perkhidmatan adalah **banyak dan tidak terbatas**.
3. Sumber ekonomi terhad merujuk kepada **sumber ekonomi** yang sedia ada adalah **tidak cukup** untuk memenuhi kehendak manusia yang tidak terhad.
4. Sumber ekonomi atau **faktor pengeluaran** merujuk kepada **input yang membantu dalam proses pengeluaran barang**.
5. Faktor pengeluaran:

Faktor Pengeluaran	Maksud
(a) Buruh	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Tenaga manusia yang produktif dan menyumbangkan <b>tenaga fizikal atau mental</b> dalam proses pengeluaran</li> <li>• Terdiri daripada <b>buruh mahir dan buruh tidak mahir</b></li> <li>• Mempunyai mobiliti pekerjaan dan geografi</li> </ul>
(b) Modal	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Alat <b>ciptaan manusia</b> yang digunakan dalam proses pengeluaran.</li> <li>• Sesetengah modal mempunyai mobiliti geografi yang tinggi – mesin dan peralatan.</li> <li>• Sesetengah modal tiada mobiliti geografi – kilang dan bangunan</li> </ul>
(c) Tanah	<ul style="list-style-type: none"> <li>• <b>Anugerah alam semula jadi</b> dan mempunyai <b>penawaran</b> yang terhad.</li> <li>• Jangka panjang, nilainya semakin mahal</li> <li>• Tidak mempunyai mobiliti tempat dan kegunaan</li> </ul>
(d) Usahawan	<ul style="list-style-type: none"> <li>• <b>Individu</b> yang <b>menggabungkan dan menyelaraskan faktor pengeluaran</b> yang lain dalam proses pengeluaran</li> <li>• Sanggup menanggung risiko</li> </ul>

6. Sumber yang terhad dan kehendak yang tidak terhad mewujudkan masalah ekonomi iaitu **kekurangan, pilihan, dan kos lepas**.
7. **Kekurangan** didefinisikan sebagai **sumber ekonomi** yang sedia ada **tidak cukup** untuk mengeluarkan barang dan perkhidmatan yang diperlukan untuk memuaskan kehendak yang tidak terhad.
  - (a) **Isi rumah** menghadapi masalah **kekurangan pendapatan** dan masa.
  - (b) **Firma** menghadapi masalah **kekurangan sumber ekonomi** seperti modal dan buruh.
  - (c) **Kerajaan** menghadapi masalah **kekurangan hasil pendapatan negara** atau sumber kewangan.
8. Pilihan merujuk kepada **cara penggunaan sumber** terhadap kehendak **mengikut keutamaan**.
  - (a) **Isi rumah** terpaksa memilih barang untuk **memaksimumkan kepuasan**.
  - (b) **Firma** terpaksa memilih projek pelaburan keluaran untuk **memaksimumkan keuntungan**.
  - (c) **Kerajaan** terpaksa memilih projek pembangunan untuk **memaksimumkan kebajikan masyarakat**.
9. Kos lepas ialah **barang atau keluaran kedua terbaik** yang terpaksa dilepaskan akibat daripada **pilihan sesuatu barang atau keluaran yang terbaik**.
  - (a) **Isi rumah** terpaksa **melepaskan barang kedua terbaik** untuk mendapat barang yang terbaik.
  - (b) **Firma** terpaksa **melepaskan keluaran kedua terbaik** untuk mengeluarkan keluaran yang terbaik.
  - (c) **Kerajaan** pula terpaksa **melepaskan projek pembangunan kedua terbaik** untuk mengeluarkan projek pembangunan yang terbaik.
10. Contoh: Jadual di bawah ini menunjukkan kombinasi output Syarikat Mutiara Sdn. Bhd.

Kombinasi Output	Komputer (Unit)	Telefon bimbit (Unit)
W	10	60
X	20	45

- (a) jika kombinasi output berubah dari W ke X, berlaku pertambahan komputer 10 unit dan pengurangan 15 unit telefon bimbit. Kos lepas bagi tambahan 10 unit komputer ialah 15 unit telefon bimbit.
- (b) Sebaliknya, kombinasi output berubah dari X ke W, menyebabkan pertambahan 15 unit telefon bimbit dan pengurangan 10 unit komputer. Kos lepas bagi tambahan 15 unit telefon bimbit ialah 10 unit komputer.


### Keluk Kemungkinan Pengeluaran (KKP)

- Keluk kemungkinan pengeluaran dapat menjelaskan mengenai kekurangan, pilihan, dan kos lepas.
- Keluk kemungkinan pengeluaran (KKP) merupakan satu keluk yang menunjukkan **had maksimum pengeluaran (kapasiti maksimum)** yang dapat dicapai dengan menggunakan sumber ekonomi sedia ada dan pada tingkat teknologi tertentu.
- Andaian KKP:
  - ekonomi mencapai **tingkat guna tenaga penuh**. Tingkat guna tenaga penuh ialah keadaan ekonomi yang mengalami kadar pengangguran 4% atau kurang;
  - sumber ekonomi adalah **terhad dan tetap**;
  - ekonomi mengeluarkan **dua jenis barang**;
  - teknologi **tetap**.

Contoh:

Jadual di bawah ini menunjukkan kemungkinan pengeluaran bagi barang X dan barang Y.

Kombinasi Output	Barang X (Unit)	Barang Y (Unit)
A	0	30
B	1	28
C	2	25
D	3	16
E	4	0



RAJAH: Keluk Kemungkinan Pengeluaran

- Rajah di atas menunjukkan had pengeluaran maksimum bagi dua jenis barang pada tingkat guna tenaga penuh, kecekapan pengeluaran, kos pengeluaran minimum, dan pada teknologi tetap.
- Firma boleh memilih kombinasi pengeluaran yang terdapat di sepanjang keluk KKP iaitu titik A, B, C, D, dan E.

(c) Pada titik K, wujud kekurangan iaitu firma tidak dapat mengeluarkan kombinasi barang tersebut kerana kekurangan sumber ekonomi dan teknologi tetap.

(d) Pada titik G (dalam lingkungan KKP) wujud **pengangguran dan lebih kapasiti** serta tiada kos lepas. Hal ini bermakna faktor pengeluaran tidak digunakan sepenuhnya dan wujud **ketidakcekapan atau pembaziran sumber**.

(e) Kos lepas ditunjukkan oleh kecerunan KKP yang berbentuk cembung ke titik asalan dan menunjukkan **kos lepas meningkat**. **Kos lepas meningkat** berlaku apabila **setiap tambahan satu unit** sesuatu barang atau perkhidmatan menyebabkan pengurangan kuantiti barang atau perkhidmatan lain dengan **jumlah yang semakin meningkat** pada setiap tingkat pengeluaran.

(f) Sebagai contoh, jika firma menukar kombinasi pengeluaran dari:

- A ke B (tambahan 1 unit X), kos lepas – mengurangkan 2 unit barang Y.
- B ke C (tambahan 1 unit X), kos lepas – mengurangkan 3 unit barang Y.
- C ke D (tambahan 1 unit X), kos lepas – mengurangkan 9 unit barang Y.
- D ke E (tambahan 1 unit X), kos lepas – mengurangkan 16 unit barang Y.

Hal ini bermakna, semakin banyak barang X dikeluarkan, semakin banyak barang Y dilepaskan.

(g) Rumus kos lepas:

$$\text{Kos lepas} = \frac{\text{Perubahan unit barang Y}}{\text{Perubahan unit barang X}}$$

= jika pergerakan titik dari A ke E.

### Masalah Asas Ekonomi

Masalah	Maksud
(a) Apa yang hendak dikeluarkan	Merujuk kepada <b>jenis barang</b> yang hendak dikeluarkan iaitu bergantung kepada kehendak masyarakat.
(b) Berapa yang hendak dikeluarkan	Merujuk kepada <b>kuantiti barang</b> yang hendak dikeluarkan iaitu bergantung kepada kehendak masyarakat.
(c) Bagaimana hendak dikeluarkan	Merujuk kepada <b>teknik atau kaedah pengeluaran</b> iaitu bergantung kepada harga relatif faktor.
(d) Untuk siapa dikeluarkan	Merujuk kepada <b>agihan barang</b> iaitu bergantung kepada agihan pendapatan atau kuasa beli masyarakat.

### Sistem Ekonomi dan Penyelesaian Masalah Asas Ekonomi

- Sistem ekonomi ialah peraturan yang diamalkan oleh sesebuah negara dalam mengurus atau menyelesaikan masalah asas ekonominya.

2. Sistem ekonomi terdiri daripada:

- (a) **sistem ekonomi pasaran bebas (kapitalis)** – merujuk kepada satu sistem ekonomi yang mana individu dan pihak swasta bebas membuat semua keputusan ekonomi tanpa campur tangan kerajaan
- (b) **sistem ekonomi perancangan pusat** – merujuk kepada satu sistem ekonomi yang mana kerajaan

(badan perancangan pusat) menentukan segala keputusan ekonomi.

- (c) **sistem ekonomi campuran** – merujuk kepada satu sistem ekonomi yang menggabungkan ciri kebaikan sistem ekonomi pasaran bebas dan ciri sistem ekonomi perancangan pusat.

3. Ciri-ciri bagi setiap sistem ekonomi.

Ciri	Sistem Ekonomi Pasaran Bebas	Sistem Ekonomi Perancangan Pusat	Sistem Ekonomi Campuran
(a) Faktor pengeluaran	Semua faktor pengeluaran dan harta persendirian bebas dimiliki oleh <b>individu dan pihak swasta</b> .	Semua faktor pengeluaran secara mutlak dimiliki oleh <b>kerajaan</b> .	Sesetengah sumber ekonomi dan harta persendirian dimiliki oleh <b>individu dan pihak swasta</b> . Sesetengah sumber ekonomi dimiliki oleh <b>kerajaan</b> .
(b) Pembuat keputusan	<b>Individu dan pihak swasta bebas</b> membuat keputusan ekonomi untuk menyelesaikan masalah asas ekonomi.	<b>Kerajaan</b> akan menentukan segala keputusan ekonomi yang berkaitan dengan masalah asas ekonomi.	Sesetengah keputusan ekonomi ditentukan oleh individu dan pihak swasta. Pengguna menentukan corak permintaan barang. Pengeluar bersaing untuk memaksimumkan keuntungan. Kerajaan pula membuat keputusan ekonomi dan mengeluarkan barang awam.
(c) Pembuat pilihan	Individu bebas memilih barang dan perkhidmatan untuk memaksimumkan kepuasan. Pihak swasta bebas menggunakan dan memilih faktor pengeluaran yang memaksimumkan keuntungan.	Individu tidak bebas memilih barang untuk memaksimumkan kepuasan. Pihak swasta tidak bebas menggunakan dan memilih faktor pengeluaran yang memaksimumkan keuntungan.	Individu bebas memilih barang dan perkhidmatan untuk memaksimumkan kepuasan. Pihak swasta bebas menggunakan dan memilih faktor pengeluaran yang memaksimumkan keuntungan. Kerajaan memilih teknik pengeluaran yang memaksimumkan kebajikan masyarakat.

5. Kelebihan sistem ekonomi pasaran bebas

- (a) Kepuasan individu dan masyarakat dapat dimaksimumkan – segala keputusan individu dan masyarakat adalah menuju ke arah memaksimumkan kepuasan.
- (b) Kebebasan yang luas untuk melakukan aktiviti ekonomi – pengguna bebas memilih barang dan pengeluar bebas mengeluarkan barang.
- (c) Kecekapan dalam penggunaan sumber – pengeluar mengeluarkan output maksimum pada kos pengeluaran minimum.
- (d) Menggalakkan perkembangan teknologi dan inovasi – persaingan bebas menggalakkan perkembangan penyelidikan dan pembangunan, peningkatan teknologi, reka cipta baharu, dan peningkatan daya pengeluaran.

6. Kelemahan sistem ekonomi pasaran bebas

- (a) Mewujudkan masyarakat materialistik – individu dan pengeluar mementingkan diri dalam mencari kebendaan dan kekayaan tanpa had.
- (b) Mewujudkan ketidakstabilan ekonomi –

perubahan permintaan dan penawaran dalam pasaran menyebabkan inflasi dan kemelesetan ekonomi.

- (c) Agihan pendapatan yang tidak setara – jurang perbezaan pendapatan antara golongan kaya dengan golongan miskin semakin besar.
- (d) Mewujudkan kuasa monopoli korporat besar – hanya firma besar yang menguasai pasaran.
- (e) Kesan luaran negatif – mementingkan keuntungan dan mengabaikan masalah kesan luaran negatif seperti pencemaran.

7. Kelebihan sistem ekonomi perancangan pusat

- (a) Agihan pendapatan yang seimbang – kerajaan menentukan segala agihan sumber ekonomi secara sama rata.
- (b) Barang awam dan kebajikan masyarakat diutamakan – kerajaan mengeluarkan barang awam untuk memaksimumkan kebajikan masyarakat.
- (c) Peruntukan sumber ke arah kebajikan rakyat – penggunaan sumber ekonomi telah mengambil kira masalah kos sosial.

(d) Pengeluaran berskala besar – kerajaan menjalankan kegiatan pengeluaran secara berskala besar dan menikmati ekonomi bidangan.

8. Kelemahan sistem ekonomi perancangan pusat

- (a) Pilihan pengguna terhad – kerajaan menentukan segala barang dan perkhidmatan dalam ekonomi.
- (b) Kurang motivasi dan tiada insentif bekerja kuat – tiada kebebasan mengumpul kekayaan.
- (c) Keusahawan individu terhad – tanpa persaingan antara firma menghalang perkembangan keusahawan dan inovasi.

(d) Risiko kesilapan dalam membuat keputusan disebabkan – pemusatan kuasa oleh sekumpulan individu dalam badan perancangan pusat.

9. Tujuan campur tangan kerajaan dalam ekonomi:

- (a) membekalkan barang awam;
- (b) mengurangkan kesan luaran;
- (c) merapatkan jurang perbezaan pendapatan;
- (d) menstabilkan ekonomi;
- (e) mengawal harga barang dan perkhidmatan;
- (f) melaksanakan program ekonomi awam.

3. Cara penyelesaian masalah asas ekonomi.

Masalah Asas Ekonomi	Sistem Ekonomi Pasaran Bebas	Sistem Ekonomi Perancangan Pusat	Sistem Ekonomi Campuran
(a) Apa yang hendak dikeluarkan	Jenis barang ekonomi yang hendak dikeluarkan bergantung kepada <b>permintaan masyarakat</b> atau <b>mekanisme harga</b> .	Jenis barang yang hendak dikeluarkan ditentukan oleh <b>kerajaan</b> .	Jenis barang ekonomi yang hendak dikeluarkan bergantung kepada <b>permintaan masyarakat</b> atau <b>mekanisme harga</b> . Kerajaan menentukan jenis barang awam yang hendak dikeluarkan. Kerajaan mengeluarkan <b>barang yang tidak dikeluarkan</b> oleh pihak swasta.
(b) Berapa yang hendak dikeluarkan	Kuantiti barang ekonomi yang hendak dikeluarkan bergantung kepada <b>permintaan masyarakat</b> atau <b>mekanisme harga</b> .	Kuantiti barang yang hendak dikeluarkan ditentukan oleh <b>kerajaan</b> melalui <b>badan perancang ekonomi</b> .	Kuantiti barang ekonomi yang hendak dikeluarkan bergantung kepada <b>mekanisme harga</b> . Kuantiti barang awam akan ditentukan oleh <b>kerajaan</b> . Kerajaan mengeluarkan barang yang <b>tidak cukup</b> di pasaran.
(c) Bagaimana hendak dikeluarkan	Teknik pengeluaran bergantung kepada <b>harga relatif faktor</b> di pasaran faktor atau teknik pengeluaran yang paling cekap untuk <b>memaksimumkan keuntungan</b> .	Teknik pengeluaran digunakan oleh kerajaan untuk <b>memaksimumkan kebajikan masyarakat</b> .	Teknik pengeluaran barang ekonomi bergantung pada <b>harga relatif faktor</b> di pasaran faktor. Kerajaan menentukan teknik pengeluaran barang awam untuk <b>memaksimumkan kebajikan masyarakat</b> .
(d) Untuk siapa dikeluarkan	Corak agihan barang ekonomi bergantung kepada <b>corak agihan pendapatan</b> .	Kerajaan menetapkan agihan barang secara <b>adil dan saksama</b> kepada semua individu.	Corak agihan barang ekonomi bergantung kepada <b>corak agihan pendapatan</b> . Kerajaan akan mengagihkan barang ekonomi kepada semua rakyat.

5. Ciri-ciri sistem ekonomi Islam

(a) Sebagai sebahagian daripada keseluruhan sistem hidup Islam.

- i. Individu **bebas** untuk **melaksanakan tugas** kebaikan dan menjauhi kemungkaran.
- ii. Individu **bebas membuat pilihan** berdasarkan hukum Islam.
- iii. Kerajaan memastikan kesejahteraan kebendaan dan kerohanian rakyatnya.
- iv. Kerajaan memastikan segala undang-undang dan peraturan syariah diamalkan.

(b) Keseimbangan antara **kepentingan diri** dan **masyarakat**

- i. Individu **bebas menentukan kehendak** tetapi

melalui **tindakan bermoral** dan menurut undang-undang.

- ii. Individu **bebas menggunakan sumber ekonomi** yang diamanahkan oleh Allah dengan cara yang **halal**. Harta persendirian boleh diwariskan.
- iii. Kerajaan memastikan **kekayaan diagihkan** ke seluruh masyarakat untuk mewujudkan **keadilan sosial**.

(c) Wujud **persaingan yang sihat** antara individu

- i. Individu **bebas bersaing** untuk memiliki atau mengeluarkan barang halal.
- ii. Kerajaan memastikan **persaingan yang adil** tanpa penindasan.

# BAB 2(a)

## PASARAN (PERMINTAAN DAN PENAWARAN)


### REVISI SPM

#### Permintaan

1. **Permintaan** merujuk kepada kuantiti barang yang ingin dan mampu dibeli oleh pengguna pada suatu tingkat harga tertentu dan dalam suatu jangka masa tertentu.
2. **Hukum permintaan** menyatakan bahawa:
  - (a) apabila harga naik, kuantiti diminta berkurang; sebaliknya, apabila harga jatuh, kuantiti diminta bertambah;
  - (b) hubungan antara harga dengan kuantiti diminta adalah **songang** atau **negatif**.

#### Keluk Permintaan Individu dan Pasaran


1. Keluk permintaan **mencerun ke bawah dari kiri ke kanan**.
2. Cara pembentukan keluk permintaan individu (DD) adalah seperti yang berikut:



Berdasarkan rajah di sebelah,

- (a) pada harga RM2, kuantiti diminta ialah 5 unit yang ditunjukkan oleh **titik J**.
- (b) pada harga RM1, kuantiti diminta ialah 10 unit yang ditunjukkan oleh **titik K**.
- (c) apabila titik J dan K disambungkan, maka terbentuklah keluk permintaan (DD).
- (d) keluk DD mencerun ke bawah dari kiri ke kanan menunjukkan hubungan songang antara harga barang X dengan kuantiti diminta barang X.

3. Keluk permintaan pasaran diperoleh dengan **menjumlahkan secara mendatar** setiap kuantiti diminta oleh **setiap individu** terhadap suatu barang pada suatu tingkat harga tertentu dan pada suatu jangka masa tertentu.
4. Cara pembentukan keluk permintaan pasaran ( $D_p D_p$ ) adalah seperti yang berikut.



Berdasarkan rajah di atas,

- (a) pada tingkat harga RM2, kuantiti permintaan pasaran ialah 10 unit (5 + 5) yang ditunjukkan oleh **titik U**;
- (b) pada tingkat harga RM1, kuantiti permintaan pasaran ialah 25 unit (10 + 15) yang ditunjukkan oleh **titik V**;
- (c) apabila titik U dan titik V disambungkan, maka


- terbentuklah keluk permintaan pasaran ( $D_p D_p$ );
- (d) keluk permintaan pasaran **mencerun ke bawah dari kiri ke kanan** yang menunjukkan hubungan songang antara harga dan kuantiti permintaan barang itu;
- (e) keluk permintaan pasaran ( $D_p D_p$ ) **lebih landai** berbanding dengan keluk permintaan individu.

### Penentu Permintaan

- Harga barang itu** – apabila harga naik, kuantiti diminta berkurang. Sebaliknya apabila harga jatuh, kuantiti diminta bertambah.
- Harga barang lain**
  - Apabila harga barang pengganti naik (jatuh), permintaan bertambah (berkurang),
  - Apabila harga barang penggenap jatuh (naik), permintaan bertambah (berkurang)
- Pendapatan** – apabila pendapatan bertambah (berkurang), permintaan dan bertambah (berkurang).
- Cita rasa** – apabila pengguna suka (tidak suka) akan suatu barang, permintaan bertambah (berkurang).
- Musim** – pada musim cuti sekolah, permintaan perkhidmatan perhotelan bertambah dan sebaliknya.
- Jangkaan harga pada masa depan** – apabila jangkaan harga akan naik (turun) pada masa depan, permintaan bertambah (berkurang) pada masa kini.
- Dasar kerajaan** – apabila kerajaan menurunkan (menaikkan) kadar cukai pendapatan perseorangan, permintaan bertambah (berkurang).

### Perubahan dalam Kuantiti Diminta dan Perubahan Permintaan

- Perubahan dalam kuantiti diminta merujuk kepada pergerakan dari satu titik ke titik yang lain di sepanjang keluk permintaan yang sama.
- Pergerakan ini berlaku kerana perubahan harga barang itu sendiri dengan andaian ceteris paribus.
- Manakala perubahan permintaan merujuk kepada peralihan keluk permintaan sama ada ke kiri atau ke kanan.
- Perubahan permintaan berlaku disebabkan oleh penentu permintaan selain harga barang itu sendiri.
- Keluk permintaan beralih ke kiri bermaksud pengurangan permintaan. Manakala keluk permintaan yang beralih ke kanan bermaksud pertambahan permintaan.
- Rajah di bawah ini menunjukkan keluk perubahan kuantiti diminta dan perubahan permintaan.



Berdasarkan rajah di atas,

- 1** pengurangan dalam kuantiti diminta.
  - Jika harga barang itu **naik** dengan andaian ceteris paribus, wujud penguncupan permintaan (**titik A** bergerak ke **titik B**), kuantiti diminta berkurang. Berlaku pergerakan ke atas di sepanjang keluk  $D_0D_0$ .
- 2** Pertambahan dalam kuantiti diminta.
  - Jika harga barang itu **jatuh** dengan andaian ceteris paribus, wujud pengembangan permintaan (**titik A** bergerak ke **titik C**), kuantiti diminta bertambah menyebabkan berlaku pergerakan ke bawah di sepanjang keluk  $D_0D_0$ .
- 3** Pengurangan dalam permintaan – keluk permintaan beralih ke kiri (dari  $D_0D_0$  ke  $D_1D_1$ ) jika:
  - harga barang pengganti turun
  - harga barang penggenap naik
  - jangkaan harga akan turun pada masa depan
  - cita rasa berkurang

- pendapatan berkurang
  - musim hujan, permintaan ais krim berkurang
  - kerajaan menaikkan cukai pendapatan individu
- Pada harga RM10, kuantiti diminta berkurang daripada 20 unit kepada 10 unit.
- 4** Pertambahan dalam permintaan – keluk permintaan beralih ke kanan (dari  $D_0D_0$  ke  $D_2D_2$ ) jika:
    - harga barang pengganti naik
    - harga barang penggenap turun
    - jangkaan harga akan naik pada masa depan
    - cita rasa bertambah
    - pendapatan bertambah
    - musim kemarau, permintaan air mineral bertambah
    - kerajaan menurunkan cukai pendapatan individu


Pada harga RM10, kuantiti diminta bertambah daripada 20 unit kepada 30 unit.

### Penawaran

1. Penawaran merujuk kepada kuantiti sesuatu barang yang **sanggup** dan **mampu** ditawarkan oleh pengeluar pada suatu tingkat harga tertentu dan pada suatu jangka masa tertentu.
2. Hukum penawaran:
  - (a) apabila **harga** suatu barang **naik**, **kuantiti ditawar** barang itu akan **bertambah**; sebaliknya, jika harga suatu barang **jatuh**, **kuantiti ditawar** barang itu akan **berkurang**
  - (b) hubungan antara harga dengan kuantiti ditawar adalah **positif** atau secara langsung.


### Keluk Penawaran Firma dan Pasaran

1. Cara pembentukan keluk penawaran individu (SS) seperti yang berikut.



Berdasarkan rajah di atas,

- (a) pada harga RM1, kuantiti ditawar ialah 5 unit yang ditunjukkan oleh **titik L**;
  - (b) pada harga RM2, kuantiti ditawar ialah 10 unit yang ditunjukkan oleh **titik M**;
  - (c) apabila titik L dan titik M disambungkan, maka terbentuklah keluk penawaran (SS);
  - (d) keluk SS mencerun ke atas dari kiri ke kanan atau keluk SS menunjukkan hubungan positif antara harga barang dengan kuantiti ditawar barang.
2. Keluk penawaran pasaran diperoleh dengan **menjumlahkan secara mendatar** setiap kuantiti ditawar oleh **setiap pengeluar** terhadap suatu barang pada suatu tingkat harga tertentu daripada suatu jangka masa tertentu.
  3. Cara pembentukan keluk penawaran pasaran ( $S_p S_p$ ) adalah seperti yang berikut.



Berdasarkan rajah di atas:

- (a) pada tingkat harga RM1, kuantiti penawaran pasaran ialah 10 unit (5 + 5) yang ditunjukkan oleh **titik F**;
- (b) pada tingkat harga RM2, kuantiti penawaran pasaran ialah 25 unit (10 + 15) yang ditunjukkan oleh **titik G**;
- (c) apabila titik-titik F dan G disambungkan, maka terbentuklah keluk penawaran pasaran ( $S_p S_p$ );
- (d) keluk penawaran pasaran **mencerun ke atas dari kiri ke kanan** yang menunjukkan hubungan langsung atau **positif** antara harga dan kuantiti penawaran barang itu.


### Penentu Penawaran

1. **Harga barang itu**
  - (a) Apabila harga barang X naik, kuantiti ditawarkan barang X bertambah.
  - (b) Sebaliknya, apabila harga barang X jatuh, kuantiti ditawarkan barang X berkurang.
2. **Harga faktor pengeluaran** – apabila harga faktor pengeluaran seperti upah naik (jatuh), penawaran barang berkurang (bertambah).
3. **Cuaca**
  - (a) Jika cuaca buruk (musim tengkujuh), penawaran ikan berkurang.
  - (b) Jika kemarau panjang, penawaran air kelapa muda bertambah.
4. **Jangkaan harga pada masa depan** – apabila jangkaan harga akan jatuh (naik) pada masa depan, penawaran suatu barang berkurang (bertambah) pada masa sekarang.
5. **Tingkat teknologi** – penggunaan teknologi lama (moden) menyebabkan penawaran berkurang (bertambah).

6. **Matlamat pengeluar** – apabila matlamat pengeluar adalah untuk memaksimumkan keuntungan (jualan), penawaran suatu barang berkurang (bertambah).
7. **Dasar kerajaan**
  - (a) Apabila kerajaan menaikkan cukai ke atas input, penawaran suatu barang berkurang.
  - (b) Apabila kerajaan memberi subsidi kepada pengeluar, penawaran suatu barang bertambah.

### Perubahan dalam Kuantiti Ditawar dan Perubahan Penawaran

1. Perubahan dalam kuantiti ditawarkan merujuk kepada **pergerakan titik di sepanjang keluk penawaran yang sama** yang disebabkan oleh perubahan harga barang itu sendiri.
2. Manakala perubahan penawaran pula merujuk kepada **peralihan keluk penawaran sama ada ke kiri atau ke kanan** yang disebabkan oleh penentu penawaran lain selain daripada harga barang itu sendiri.
3. Rajah di bawah ini menunjukkan perubahan kuantiti ditawarkan dan perubahan penawaran.



1. Pengurangan dalam kuantiti ditawarkan – jika harga barang itu jatuh dengan andaian ceteris paribus, wujud **penguncupan penawaran (titik A bergerak ke titik B)**, kuantiti ditawarkan berkurang. Berlaku **pergerakan ke bawah** di sepanjang keluk  $S_0S_0$ .
2. Pertambahan dalam kuantiti ditawarkan – jika harga barang itu naik dengan andaian ceteris paribus, wujud **pengembangan penawaran (titik A bergerak ke titik C)**, kuantiti ditawarkan bertambah. Berlaku **pergerakan ke atas** di sepanjang keluk  $S_0S_0$ .
3. Pengurangan dalam penawaran. Keluk penawaran beralih **ke kiri** (dari  $S_0S_0$  ke  $S_1S_1$ ) jika:
  - harga faktor pengeluaran naik
  - jangkaan harga masa depan akan naik
  - cuaca buruk

- teknologi lama
  - matlamat pengeluar untuk memaksimumkan untung
  - kerajaan menaikkan cukai
- Pada harga RM10, kuantiti ditawarkan berkurang daripada 20 unit kepada 10 unit.
4. Pertambahan dalam penawaran. Keluk penawaran beralih **ke kanan** (dari  $S_0S_0$  ke  $S_2S_2$ ) jika:
    - harga faktor pengeluaran jatuh
    - jangkaan harga masa depan akan turun
    - cuaca baik
    - teknologi moden
    - matlamat pengeluar untuk memaksimumkan jualan/menguasai pasaran
    - kerajaan menurunkan cukai
- Pada harga RM10, kuantiti ditawarkan bertambah daripada 20 unit kepada 30 unit.

# BAB 2(b)

## PASARAN (KESEIMBANGAN PASARAN)

### REVISI SPM

#### Keseimbangan Pasaran

1. Pasaran merupakan keadaan apabila para penjual dan para pembeli **berinteraksi** (bertemu) sama ada secara **langsung** atau **tidak langsung** untuk menjalankan urus niaga pada suatu tingkat harga tertentu dan dalam **tempoh masa** tertentu.
2. Keseimbangan pasaran barang merujuk kepada keadaan apabila jumlah **kuantiti diminta ( $Q_d$ )** sama dengan jumlah **kuantiti ditawarkan ( $Q_s$ )** pada suatu tingkat harga tertentu ( $Q_d = Q_s$ ).
3. Pada tingkat keseimbangan, wujud satu tingkat harga keseimbangan dan satu tingkat kuantiti keseimbangan.
4. Harga dan kuantiti keseimbangan tidak akan berubah pada masa itu.

#### Jadual dan Rajah Keseimbangan


1. Keseimbangan pasaran boleh dijelaskan melalui jadual dan rajah di bawah ini.

Harga (RM)	Kuantiti Diminta (unit)	Kuantiti Ditawar (unit)
10	70	40
20	50	50
30	30	60

Berdasarkan jadual di atas:

- (a) menunjukkan permintaan dan penawaran kasut di pasaran
- (b) keseimbangan pasaran dicapai pada tingkat harga RM20

- (c) kuantiti permintaan sama dengan kuantiti penawaran pada 50 pasang kasut.



Berdasarkan rajah di atas:

- (a) keseimbangan pasaran tercapai pada titik E apabila keluk permintaan (DD) bersilang dengan keluk penawaran (SS)
- (b) harga keseimbangan pasaran ialah RM20 seunit dan kuantiti keseimbangan pasaran ialah 50 unit.

#### Ketidakseimbangan Pasaran

1. Ketidakseimbangan pasaran berlaku apabila jumlah permintaan para pengguna **tidak sama** dengan jumlah penawaran para pengeluar.
2. Lebihan permintaan wujud apabila kuantiti diminta **melebihi** kuantiti ditawarkan dalam pasaran pada suatu tingkat harga tertentu ( $Q_d > Q_s$ ).
3. Lebihan penawaran wujud apabila kuantiti ditawarkan **melebihi** kuantiti diminta dalam pasaran pada suatu tingkat harga tertentu ( $Q_s > Q_d$ ).


4. Jadual di bawah ini menunjukkan ketidakseimbangan pasaran.

Harga (RM)	Kuantiti Diminta (Unit)	Kuantiti Ditawar (Unit)	Keadaan Pasaran (Unit)	Tekanan Atas Harga	Implikasi	
10	70	40	30	Ketidakseimbangan pasaran. Lebihan permintaan atau kurangan penawaran	Cenderung naik	Kuantiti diminta jatuh – kuantiti ditawarkan naik
20	50	50	0	Keseimbangan pasaran	Stabil atau tetap	Tidak berubah
30	30	60	30	Ketidakseimbangan pasaran. Lebihan penawaran atau kurangan permintaan	Cenderung turun	Kuantiti diminta naik – kuantiti ditawarkan jatuh

Berdasarkan jadual di atas.

- Pada harga RM10, kuantiti diminta adalah 70 pasang kasut manakala kuantiti ditawarkan adalah 30 pasang kasut. Maka berlaku **lebih permintaan** sebanyak 30 pasang ( $70 - 40$ ).
- Lebih permintaan akan menyebabkan harga kasut meningkat, pengeluaran akan **meningkatkan** jumlah penawaran dan pengguna **mengurangkan** permintaan sehingga mencapai keseimbangan pasaran pada harga RM20 dengan kuantiti 50 pasang kasut.
- Pada harga RM30, kuantiti diminta adalah 30 pasang kasut manakala kuantiti ditawarkan adalah 60 pasang kasut. Maka berlaku **lebih penawaran** sebanyak 30 pasang ( $60 - 30$ ).
- Lebih penawaran akan menyebabkan harga kasut menurun, pengeluaran akan **mengurangkan** jumlah penawaran dan pengguna **meningkatkan** permintaan sehingga mencapai keseimbangan pasaran pada harga RM20 dengan kuantiti 50 pasang kasut.

5. Rajah yang berikut menunjukkan ketidakseimbangan pasaran.




Berdasarkan rajah di atas:

- Lebih permintaan (titik pq) adalah 30 pasang kasut ( $70 - 40$ ) pada tingkat harga RM10. Kesannya, harga naik kepada RM20 dan berlaku keseimbangan pasaran pada titik E dengan kuantiti 50 pasang kasut.
- Lebih penawaran (titik rs) adalah 30 pasang kasut ( $60 - 30$ ) pada tingkat harga RM30. Kesannya, harga turun kepada RM20 dan berlaku keseimbangan pasaran pada titik E dengan kuantiti 50 pasang kasut.

### Perubahan Keseimbangan Perubahan Permintaan


Kesan perubahan permintaan ke atas keseimbangan pasaran.



### Perubahan Penawaran

Kesan perubahan penawaran ke atas keseimbangan pasaran.


#### Pertambahan Penawaran



Berdasarkan rajah di atas:

- Keseimbangan pasaran asal: keluk DD **bersilang** dengan keluk  $S_0S_0$  pada titik  $E_0$ . Harga keseimbangan  $P_0$  dan kuantiti keseimbangan  $Q_0$ .
- Pertambahan penawaran: keluk penawaran **ke kanan** ( $S_0S_0$  ke  $S_1S_1$ ) dan keluk permintaan (DD) **tetap**, wujud **lebih penawaran**  $E_0A$ .
- Harga cenderung **turun**.
- Kuantiti diminta **meningkat** sehingga mencapai keseimbangan pasaran baharu pada titik  $E_1$  apabila keluk  $S_1S_1$  bersilang dengan keluk DD.
- Kesan: harga keseimbangan **turun** ke  $P_1$  dan kuantiti keseimbangan **bertambah** ke  $Q_1$ .

#### Pengurangan Penawaran



Berdasarkan rajah di atas:

- Keseimbangan pasaran asal: keluk DD **bersilang** dengan keluk  $S_0S_0$  pada titik  $E_0$ . Harga keseimbangan  $P_0$  dan kuantiti keseimbangan  $Q_0$ .
- Pengurangan penawaran: keluk penawaran **ke kiri** ( $S_0S_0$  ke  $S_1S_1$ ) dan keluk permintaan (DD) **tetap**, wujud **lebih permintaan**  $E_0A$ .
- Harga cenderung **naik**.
- Kuantiti diminta **menurun** sehingga mencapai keseimbangan pasaran baharu pada titik  $E_1$  apabila keluk  $S_1S_1$  bersilang dengan keluk DD.
- Kesan: harga keseimbangan **naik** ke  $P_1$  dan kuantiti keseimbangan **berkurang** ke  $Q_1$ .

REVISI SPM

**Keanjalan Harga**

**Keanjalan Harga Permintaan**

1. Keanjalan harga permintaan ( $E_d$ ) mengukur peratus perubahan kuantiti diminta terhadap suatu barang akibat daripada peratus perubahan harga barang itu dengan andaian *ceteris paribus*.
2. Keanjalan harga permintaan amat penting kepada firma dalam membandingkan tindak balas ke atas perubahan harga untuk menentukan strateginya.

**Pengiraan Keanjalan Harga Permintaan**

1. Rumus:

$$E_d = \frac{\text{Peratus perubahan kuantiti diminta } (\% \Delta Q_d)}{\text{Peratus perubahan harga } (\% \Delta P)}$$

2. Contoh pengiraan:

Hitung nilai keanjalan permintaan bagi buah rambutan apabila harga buah rambutan meningkat dari RM4.00 kepada RM5.00 dan kuantiti dimintanya turun daripada 50 kg kepada 45 kg.

(a) Mengira peratus perubahan kuantiti diminta

$$\begin{aligned} \% \Delta Q_d &= \frac{\text{Kuantiti baharu } (Q_1) - \text{Kuantiti asal } (Q_0)}{\text{Kuantiti asal } (Q_0)} \times 100 \\ &= \frac{45 - 50}{50} \times 100 \\ &= -10 \end{aligned}$$

(b) Mengira peratus perubahan harga diminta

$$\begin{aligned} \% \Delta P &= \frac{\text{Harga baharu } (P_1) - \text{Harga asal } (P_0)}{\text{Harga asal } (P_0)} \times 100 \\ &= \frac{5 - 4}{4} \times 100 \\ &= 25 \end{aligned}$$


(c) Mengira keanjalan harga permintaan

$$\begin{aligned} E_d &= \frac{-\% \Delta Q}{\% \Delta P} \\ &= \frac{-10}{25} \\ &= 0.4 \end{aligned}$$

**Kaedah Pengiraan**

**Keanjalan Harga Permintaan Anjal dengan Tak Anjal**

Perbandingan antara permintaan anjal dengan permintaan tak anjal



### Penentu Keanjalan Harga Permintaan

Penentu keanjalan permintaan:

1. jenis barangan
  - (a) permintaan anjal berlaku jika suatu barang boleh ditanggguhkan atau kurang penting iaitu barang kehendak seperti banglo, barang kemas, dan makanan ringan.
  - (b) permintaan tak anjal berlaku jika suatu barang tidak boleh ditanggguhkan atau penting iaitu barang keperluan seperti pakaian, beras, dan minyak masak.
2. bilangan barang pengganti
  - (a) permintaan anjal jika suatu barang mudah mendapat barang pengganti.
  - (b) permintaan tak anjal jika suatu barang sukar mencari barang pengganti.
3. nisbah perbelanjaan dengan pendapatan
  - (a) permintaan anjal berlaku jika perbelanjaan terhadap suatu barang mengambil peratusan yang besar daripada pendapatan pengguna.
  - (b) permintaan tak anjal berlaku jika perbelanjaan terhadap suatu barang hanya melibatkan peratusan kecil daripada pendapatan.
4. faktor jangka masa
  - (a) permintaan anjal berlaku dalam jangka masa panjang kerana mempunyai masa yang cukup untuk mengubah corak penggunaan barang tersebut.
  - (b) permintaan tak anjal berlaku dalam jangka masa pendek kerana pengguna tidak mempunyai masa yang cukup untuk mengubah corak penggunaan barang tersebut.
5. kepentingan sesuatu barang
  - (a) permintaan anjal berlaku jika sesuatu barang itu kurang penting kepada pengguna.
  - (b) permintaan tak anjal berlaku jika sesuatu barang itu penting kepada pengguna.
6. bilangan kegunaan
  - (a) permintaan anjal berlaku jika suatu barang mempunyai bilangan kegunaan yang banyak.
  - (b) permintaan tak anjal berlaku jika suatu barang mempunyai kegunaannya yang terhad.
7. ketagihan
  - (a) permintaan anjal berlaku jika suatu barang tidak mendatangkan ketagihan kepada pengguna.
  - (b) permintaan tak anjal jika suatu barang mendatangkan ketagihan yang tinggi seperti dadah, rokok, dan kopi.
8. ketahanan barang
  - (a) permintaan anjal berlaku jika suatu barang tahan lama seperti meja dan kerusi.
  - (b) permintaan tak anjal jika suatu barang tidak tahan lama atau cepat rosak seperti sayur-sayuran dan buah-buahan.
  - (c) kuantiti barang yang permintaan tak anjal tidak boleh dibeli dengan banyak mahupun harganya turun kerana barang itu tidak boleh disimpan lama.

### Perhubungan antara Keanjalan Harga Permintaan dengan Jumlah Hasil

Hubungan antara keanjalan harga permintaan dengan jumlah hasil.

Keanjalan Harga Permintaan	Harga	Kesan Terhadap Jumlah Hasil
1. Anjal	Naik	Menurun
	Turun	Meningkat
2. Tak anjal	Naik	Meningkat
	Turun	Menurun

### Keanjalan Harga Penawaran

1. Keanjalan harga penawaran ( $E_s$ ) mengukur peratus perubahan kuantiti ditawarkan terhadap suatu barang akibat daripada peratus perubahan harga barang itu dengan andaian *ceteris paribus*.
2. Rumus

$$E_s = \frac{\text{Peratus perubahan kuantiti ditawarkan } (\% \Delta Q_s)}{\text{Peratus perubahan harga } (\% \Delta P)}$$

3. Contoh pengiraan:

Hitung nilai keanjalan penawaran bagi buah tembikai apabila harga buah tembikai meningkat dari RM5.00 kepada RM6.00 dan kuantiti ditawarnya meningkat daripada 10 kg kepada 14 kg.

- (a) Mengira peratus perubahan kuantiti ditawarkan

$$\begin{aligned} \% \Delta Q_s &= \frac{\text{Kuantiti baharu } (Q_1) - \text{Kuantiti asal } (Q_0)}{\text{Kuantiti asal } (Q_0)} \times 100 \\ &= \frac{14 - 10}{10} \times 100 \\ &= -40 \end{aligned}$$

- (b) Mengira peratus perubahan harga ditawarkan


$$\begin{aligned} \% \Delta P &= \frac{\text{Harga baharu } (P_1) - \text{Harga asal } (P_0)}{\text{Harga asal } (P_0)} \times 100 \\ &= \frac{6 - 5}{5} \times 100 \\ &= 20 \end{aligned}$$

- (c) Mengira keanjalan harga penawaran

$$\begin{aligned} E_s &= \frac{\% \Delta Q_s}{\% \Delta P} \\ &= \frac{40}{20} \\ &= 2 \end{aligned}$$

## Keanjalan Harga Penawaran Anjal dan Tak Anjal

Perbandingan antara penawaran anjal dan penawaran tak anjal.



## Penentu Keanjalan Harga Penawaran

Penentu keanjalan penawaran:

### 1. faktor masa

- (a) penawaran anjal berlaku dalam jangka masa **panjang** kerana semua faktor pengeluaran dapat ditambah atau kapasiti dan teknologi pengeluaran boleh diubah dengan mudah.
- (b) penawaran tak anjal berlaku dalam jangka masa **pendek** kerana sesetengah faktor pengeluaran tidak boleh ditambah.

### 2. corak penggunaan faktor pengeluaran

- (a) penawaran anjal berlaku jika faktor pengeluaran yang mengeluarkan sesuatu barang mudah ditukar ganti atau mudah **diperoleh**.
- (b) penawaran tak anjal berlaku jika faktor pengeluaran yang mengeluarkan sesuatu barang **sukar ditukar ganti** atau faktor pengeluaran yang khusus.

### 3. tambahan kos

- (a) penawaran anjal berlaku jika penambahan kuantiti sesuatu barang melibatkan tambahan kos pengeluaran yang **kecil**.
- (b) penawaran tak anjal berlaku jika penambahan kuantiti sesuatu barang melibatkan tambahan kos pengeluaran yang **besar**.

### 4. mobiliti faktor pengeluaran

- (a) penawaran anjal berlaku jika faktor pengeluaran yang mengeluarkan sesuatu barang **mudah dipindah** dari satu keluaran ke keluaran yang lain atau dari satu tempat ke tempat yang lain.
- (b) penawaran tak anjal berlaku jika faktor pengeluaran yang mengeluarkan sesuatu barang **sukar dipindah** dari satu keluaran ke keluaran yang lain atau dari satu tempat ke tempat yang lain.

### 5. bilangan firma dalam pasaran

- (a) penawaran anjal jika terdapat bilangan firma yang **banyak**.
- (b) penawaran tak anjal jika terdapat bilangan firma yang **sedikit**.

### 6. penggantian faktor pengeluaran

- (a) penawaran anjal jika suatu faktor pengeluaran **mudah digantikan** dengan faktor pengeluaran lain.
- (b) penawaran tak anjal jika suatu faktor pengeluaran **sukar digantikan** dengan faktor pengeluaran lain.

### 7. ketersediaan stok atau inventori

- (a) penawaran anjal jika firma mempunyai inventori yang **banyak dan mudah diperoleh**.
- (b) penawaran tak anjal jika firma mempunyai inventori yang **terhad dan sukar diperoleh**.


### 8. jenis barang

- (a) penawaran barang pembuatan adalah anjal kerana pengeluaran **dapat ditambah dengan mudah** dengan faktor pengeluaran yang sedia ada dengan lebih cekap.
- (b) penawaran barang pertanian atau komoditi adalah tak anjal kerana pengeluaran barang tersebut memerlukan jangka masa yang lebih lama.

## Kepentingan Keanjalan Harga Firma


1. Jumlah hasil diperoleh dengan mendarabkan harga barang dengan kuantiti diminta barang itu.
2. Keanjalan harga permintaan mempengaruhi perubahan jumlah hasil.

3. Rajah di bawah ini menunjukkan hubungan keanjalan harga permintaan di sepanjang keluk permintaan dengan jumlah hasilnya.



- (a) Selagi  $E_d > 1$ , jumlah hasil akan **bertambah** apabila harga barang **turun**. Sebaliknya, jumlah hasil akan **berkurang** apabila harga barang **naik**.
- (b) Selagi  $E_d < 1$ , jumlah hasil akan **bertambah** apabila barang **naik**. Sebaliknya, jumlah hasil akan **berkurang** apabila harga barang **turun**.
- (c) Kesimpulannya, strategi firma untuk menambahkan jumlah hasil adalah seperti yang berikut:
  - i. keanjalan harga permintaan **anjal**, **turunkan** harga
  - ii. keanjalan harga permintaan **tak anjal**, **naikkan** harga.

4. Rajah di bawah ini menunjukkan kesan cukai per unit terhadap minuman ringan yang mempunyai permintaan anjal.




RAJAH: kesan cukai ke atas minuman ringan

**Kerajaan**

**A: Percukaian**

1. Pengenaan cukai per unit yang merupakan cukai tak langsung akan **menaikkan** kos pengeluaran firma dan menyebabkan keluk penawaran beralih ke **kiri** dan permintaan **tetap**.
2. Rajah di bawah ini menunjukkan kesan cukai per unit terhadap rokok yang mempunyai permintaan tak anjal.




RAJAH: kesan cukai ke atas rokok

- (a) Keseimbangan pasaran asal: keluk DD **bersilang** dengan keluk  $S_0S_0$  pada titik  $E_0$ . Harga keseimbangan  $P_0$  dan kuantiti keseimbangan  $Q_0$ .
  - (b) Pengurangan penawaran: pengenaan cukai **meningkatkan** kos pengeluaran dan keluk penawaran beralih ke **kiri** ( $S_0S_0$  ke  $S_1S_1$ ) dan keluk permintaan **tetap** (DD).
  - (c) Harga cenderung **naik**.
  - (d) Kuantiti diminta **menurun** sehingga mencapai keseimbangan pasaran baharu pada titik  $E_1$  apabila keluk  $S_1S_1$  bersilang dengan keluk DD.
  - (e) Kuantiti keseimbangan baharu  $Q_1$ .
  - (f) Beban pengguna sebanyak  $P_0P_1E_1A$ .
  - (g) Beban pengeluar sebanyak  $P_2P_0AB$ .
- Kesimpulannya, apabila keanjalan harga permintaan itu tidak anjal, beban pengguna **melebihi** beban pengeluar.

- (a) Keseimbangan pasaran asal: keluk DD bersilang dengan keluk  $S_0S_0$  pada titik  $E_0$ . Harga keseimbangan  $P_0$  dan kuantiti keseimbangan  $Q_0$ .
  - (b) Pengurangan penawaran: pengenalan cukai meningkatkan kos pengeluaran dan keluk penawaran beralih ke kiri ( $S_0S_0$  ke  $S_1S_1$ ) dan keluk permintaan tetap (DD).
  - (c) Harga cenderung naik.
  - (d) Kuantiti diminta menurun sehingga mencapai keseimbangan pasaran baharu pada titik  $E_1$  apabila keluk  $S_1S_1$  bersilang dengan keluk DD.
  - (e) Kuantiti keseimbangan baharu  $Q_1$ .
  - (f) Beban pengguna sebanyak  $P_0P_1E_1A$ .
  - (g) Beban pengeluar sebanyak  $P_3P_0AB$ .
- Kesimpulannya, apabila keanjalan harga permintaan itu anjal, beban pengguna kurang daripada beban pengeluar.

**B: Subsidi**


1. Kerajaan memberi subsidi (bantuan kewangan) kepada pengeluar untuk mengurangkan kos pengeluaran firma dan keluk penawaran akan beralih ke kanan dan permintaan tetap.
2. Jumlah subsidi yang dinikmati oleh pengguna dan pengeluar bergantung kepada darjah keanjalan harga permintaan.
3. Rajah di bawah ini menunjukkan kesan subsidi per unit terhadap diesel yang mempunyai permintaan tak anjal.



**RAJAH:** kesan subsidi diesel kepada nelayan

- (a) Keseimbangan pasaran asal: keluk DD bersilang dengan keluk  $S_0S_0$  pada titik  $E_0$ . Harga keseimbangan  $P_0$  dan kuantiti keseimbangan  $Q_0$ .
- (b) Pertambahan penawaran: pemberian subsidi menurunkan kos pengeluaran firma dan keluk penawaran beralih ke kanan ( $S_0S_0$  ke  $S_1S_1$ ) dan keluk permintaan tetap (DD).

- (c) Harga cenderung turun.
  - (d) Kuantiti diminta meningkat sehingga mencapai keseimbangan pasaran baharu pada titik  $E_1$  apabila keluk  $S_1S_1$  bersilang dengan keluk DD.
  - (e) Kuantiti keseimbangan baharu  $Q_1$ .
  - (f) Subsidi yang dinikmati oleh pengguna  $P_1P_0E_1B$ .
  - (g) Subsidi yang dinikmati oleh pengeluar  $P_1P_2AB$ .
- Kesimpulannya, apabila keanjalan harga permintaan tak anjal, subsidi yang dinikmati oleh pengguna lebih besar berbanding pengeluar.
4. Rajah di bawah ini menunjukkan kesan subsidi per unit terhadap sos tomato kepada perusahaan kecil dan sederhana (PKS) yang mempunyai permintaan anjal.



**RAJAH:** kesan subsidi sos tomato kepada PKS

- (a) Keseimbangan pasaran asal: keluk DD bersilang dengan keluk  $S_0S_0$  pada titik  $E_0$ . Harga keseimbangan  $P_0$  dan kuantiti keseimbangan  $Q_0$ .
  - (b) Pertambahan penawaran: pemberian subsidi menurunkan kos pengeluaran firma dan keluk penawaran beralih ke kanan ( $S_0S_0$  ke  $S_1S_1$ ) dan keluk permintaan tetap (DD).
  - (c) Harga cenderung turun.
  - (d) Kuantiti diminta meningkat sehingga mencapai keseimbangan pasaran baharu pada titik  $E_1$  apabila keluk  $S_1S_1$  bersilang dengan keluk DD.
  - (e) Kuantiti keseimbangan baharu  $Q_1$ .
  - (f) Subsidi yang dinikmati pengguna  $P_1P_0E_1A$ .
  - (g) Subsidi yang dinikmati pengeluar  $P_1P_2AB$ .
- Kesimpulan: Apabila keanjalan harga permintaan itu anjal, subsidi yang dinikmati oleh pengeluar lebih besar berbanding pengguna.



### Wang dan Bank

Wang ialah sebarang benda yang diterima umum sebagai alat perantaraan pertukaran.

#### Fungsi Wang

1. **Alat perantaraan pertukaran**  
Wang membolehkan individu **membeli** barang dan perkhidmatan.
2. **Alat ukuran nilai**  
Wang membolehkan **nilai** suatu barang dan perkhidmatan diukur dalam **sebutan harga** dan membolehkan **perbandingan nilai** dibuat antara barang.
3. **Alat penyimpanan nilai**  
Wang membolehkan **baki pendapatan** yang tidak dibelanjakan oleh individu disimpan di institusi kewangan dan boleh **digunakan pada masa depan** kerana mempunyai **kestabilan nilai** dan **tahan lama**.
4. **Alat bayaran tertunda**  
Wang membolehkan individu membeli barang secara **ansuran** kerana mempunyai kestabilan nilai.

#### Fungsi Bank Pusat

1. **Mengeluarkan mata wang**  
Bank pusat diberi **kuasa tunggal** oleh kerajaan untuk mencetak dan mengeluarkan **mata wang** (duit syiling dan wang kertas).
2. **Mengawal kestabilan nilai mata wang**  
Kerajaan mengawal kestabilan monetari melalui dua cara.
  - (a) **Kuasa beli**  
BNM melindungi nilai ringgit dengan mengekalkan **kestabilan harga**, iaitu dengan menentukan inflasi terus berada pada tahap rendah dan kuasa Ringgit Malaysia tidak susut.
  - (b) **Mata wang asing atau pertukaran asing**
    - i. BNM memastikan mata wang yang dikeluarkan mempunyai nilai sandaran minimum 80.59% dalam bentuk emas dan pertukaran asing.
    - ii. BNM akan **membeli** mata wang Ringgit Malaysia dengan **menjual** mata wang asing apabila nilai Ringgit Malaysia mengalami **susut nilai**.
3. **Jurubank kepada kerajaan**
  - (a) **Mentadbir akaun negara** – bank pusat **mengurus akaun kewangan** kerajaan, iaitu merekod pungutan hasil kerajaan dan perbelanjaan kerajaan.
  - (b) **Memberi pendahuluan sementara** – bank pusat memberi pendahuluan sementara apabila mengalami **kekurangan kewangan**, iaitu perbelanjaan tahunan kerajaan melebihi hasil tahunan kerajaan.

- (c) **Mengurus hutang negara** – bank pusat **mengendalikan pinjaman** dalam negeri dan pinjaman luar negara bagi pihak kerajaan.
  - (d) **Mengurus kegiatan pertukaran asing** – bank pusat mengawal jual beli pertukaran asing untuk **menjamin kestabilan** nilai mata wang negara.
  - (e) **Memberi khidmat nasihat pelaburan** – bank pusat mengkaji dan menganalisis bagi pihak kerajaan tentang **peluang projek pelaburan** di luar negara yang berpotensi dan menguntungkan dari semasa ke semasa.
4. **Jurubank kepada bank perdagangan**
    - (a) **Penjaga rizab berkanun** – bank pusat mewajibkan bank perdagangan **menyimpan sebahagian daripada jumlah deposit** di bank pusat.
    - (b) **Menyediakan akaun penjelasan** antara bank – bank perdagangan diwajibkan **membuka akaun penjelasan** di bank pusat untuk membolehkan cek-cek dan hutang antara bank perdagangan dijelaskan.
    - (c) **Sumber pinjaman terakhir** – bank pusat akan memberi pinjaman kepada bank perdagangan yang menghadapi **kekurangan tunai/kecairan** untuk memenuhi permintaan tunai diluar jangka dalam jangka pendek.

#### Bank Perdagangan

1. Bank perdagangan dikawal oleh Bank Negara Malaysia di bawah Akta Bank dan Institusi Kewangan 1989.
2. Malaysia menjalankan sistem dwiperbankan, iaitu Skim Perbankan Konvensional yang berasaskan faedah dan Skim Perbankan Islam (SPI) yang tidak mengamalkan faedah (riba).

#### Fungsi Bank Perdagangan

1. **Menerima deposit**
  - (a) **Akaun simpanan atau akaun tabungan**
    - i. Pendeposit boleh menyimpan wang dalam **jumlah yang kecil dan tidak tetap**.
    - ii. Pendeposit boleh **mengeluarkan atau men-depositkan wang** pada bila-bila masa.
    - iii. Pendeposit menerima **faedah** atau **dividen**. Faedah yang diterima adalah **lebih rendah** daripada akaun simpanan tetap.
    - iv. Pendeposit menikmati kemudahan mengeluarkan wang dengan **kad juruwang elektronik (ATM)**.
    - v. Kad ATM juga berfungsi sebagai **kad debit**.
    - vi. Pendeposit menikmati kemudahan men-depositkan wang dengan **mesin deposit tunai**.

- vii. Pendeposit diberi **buku simpanan** atau buku bank.
  - viii. Pendeposit menikmati kemudahan **perbankan internet, pemindahan wang** antara bank (GIRO), pembayaran bil dan bayaran ansuran serta pemindahan wang.
- (b) Akaun simpanan tetap
- i. Pendeposit boleh mengeluarkan wang apabila **tempoh matang**.
  - ii. Pengeluaran wang sebelum tempoh matang akan dikenakan **penalti**.
  - iii. Pendeposit menerima **faedah yang tertinggi** berbanding pendeposit akaun lain.
  - iv. Pemegang akaun simpanan tetap akan diberi **sijil simpanan**.
- (c) Akaun semasa
- i. Pendeposit boleh mengeluarkan wang dengan **kemudahan cek dan kad ATM**.
  - ii. Kad ATM juga berfungsi sebagai **kad debit**.
  - iii. Pendeposit menerima pulangan dalam bentuk **faedah yang rendah**. Sesetengah bank tidak memberi faedah dan dikenakan caj perkhidmatan.
  - iv. Deposit minimum untuk membuka akaun semasa adalah **lebih tinggi** daripada deposit dalam akaun simpanan tabungan.
  - v. Akaun semasa **memerlukan perujuk** manakala akaun simpanan tabungan tidak memerlukan perujuk.
  - vi. Pendeposit menikmati kemudahan menandatangani wang dengan **mesin deposit tunai**.
  - vii. Pendeposit menerima **penyata bulanan** yang merekodkan segala urusan dalam bulan tersebut.
  - viii. Deposit semasa dianggap sebagai wang.
  - ix. Pemegang akaun semasa menikmati **kemudahan overdraf dan kemudahan cek**.
2. Memberi pinjaman
- (a) Overdraf  
Pengeluaran sejumlah wang yang **melebihi jumlah baki** yang ada di dalam akaun semasa berdasarkan had yang ditetapkan oleh bank perdagangan.
- (b) Pinjaman peribadi atau persendirian  
Pinjaman kepada individu yang **berpendapatan tetap** yang berumur 18 tahun dan ke atas.
- (c) Pinjaman bercagar  
Pinjaman untuk **membeli harta tetap** seperti rumah, tanah, atau bangunan. Cagaran seperti saham, polisi insurans nyawa, geran rumah atau tanah.
- (d) Pinjaman kenderaan (kemudahan sewa beli)  
Pinjaman untuk **membiyai kenderaan baharu** atau **terpakai** dan peminjam perlu membayar secara ansuran dalam satu jangka masa tertentu.
- (e) Pinjaman kad kredit  
Bank perdagangan akan **membayar terlebih dahulu** perbelanjaan individu yang menggunakan kad kredit bank tersebut.
- (f) Mendiskaunkan bil pertukaran  
Bank perdagangan membeli bil pertukaran pada **harga yang kurang daripada harga muka** bil tersebut.
3. Menerima dan membuat bayaran
- (a) Sistem cek – merupakan **arahan** pemegang akaun semasa kepada pihak bank untuk **membuat bayaran** atau **menerima bayaran** sejumlah wang yang tercatat pada cek tersebut.
- (b) Arahan bank
- i. Debit langsung – pemegang akaun simpanan tabungan dan semasa mengarahkan bank perdagangan untuk membuat bayaran jumlah yang tidak tetap dan pada tarikh tidak tetap tetapi sebelum hari terakhir bayaran bil.
  - ii. Perintah sedia ada – arahan daripada pemegang akaun tabungan atau akaun semasa kepada bank perdagangan untuk **membuat bayaran tetap dan berulang** pada tarikh yang telah ditetapkan.
  - iii. Draf bank – individu **membeli cek** yang dikeluarkan oleh bank perdagangan untuk membuat **bayaran** kepada pihak lain.
  - iv. Pindahan kredit – arahan kepada bank perdagangan untuk **memindahkan sejumlah wang** kepada akaun pihak lain terutamanya majikan membuat bayaran gaji kepada akaun para pekerja.
  - v. Kad kredit – arahan kepada bank perdagangan untuk **membuat bayaran terlebih dahulu** kepada pihak lain.
  - vi. Kad juruwang elektronik (ATM)
    - memudahkan pemegang kad untuk **mengeluarkan** dan membuat **simpanan, menyemak baki simpanan, memindahkan wang** antara bank, **tambah nilai kad Touch'n Go**, dan perkhidmatan telefon mudah alih.
    - Kad ATM berfungsi sebagai **kad debit** apabila membuat bayaran.
  - vii. Mengurus pertukaran asing – individu boleh **membeli** atau **menjual** mata wang asing untuk membuat **urus niaga antarabangsa**.
  - viii. Cek kembara – bank perdagangan menjual cek kembara dalam nilai mata wang asing kepada pelanggan yang ingin **melancong ke luar negara**.
  - ix. Mesin deposit tunai – individu boleh **membuat bayaran pada bila-bila masa** dengan menandatangani wang dalam mesin deposit tunai.
4. Perkhidmatan lain
- (a) Perbankan internet – **urus niaga atas talian** dengan menggunakan komputer, telefon pintar, dan peranti mudah alih.
- (b) Pemegang amanah – bank perdagangan dilantik sebagai **pemegang amanah** bagi pelanggan yang telah meninggal dunia.
- (c) Pelaburan emas – pelanggan boleh **mendepositkan dan menjual emas** melalui akaun pelaburan emas.

- (d) Unit amanah – bank perdagangan menjual dan membeli atau sebagai **ejen unit** amanah.
- (e) Urus niaga saham – bank perdagangan membantu pelanggan dalam jual beli saham dan keperluan pembiayaan margin.
- (f) Perkhidmatan insurans – bank perdagangan menyediakan perkhidmatan insurans **nyawa** dan insurans am kepada pelanggannya.
- (g) Urusan bayaran eksport dan import – bank perdagangan menguruskan **perdagangan antarabangsa** dan pembiayaan kewangan kepada pelanggannya.

#### Konsep Skim Perbankan Islam (SPI)

1. Satu sistem kewangan yang berlandaskan prinsip dan amalan mengikut **hukum Islam**.
2. Perbankan Islam menghindari segala urusan yang melibatkan unsur maghrib (**riba, maisir, dan gharar**).
3. Perbankan Islam berasaskan **perkongsian untung** dan risiko antara pihak yang berurus niaga.

#### Prinsip Perbankan Islam

1. Wadiah (pemegang amanah)
  - (a) Wadiah ialah kontrak (akad) simpanan **keselamatan**.
  - (b) Bank bertindak sebagai pemegang amanah untuk menjaga harta atau kekayaan pelanggannya.
  - (c) Wadiah menawarkan **akaun semasa** dan akaun **tabungan**.
  - (d) Pembahagian **keuntungan** atau **dividen** kepada pelanggan bergantung kepada budi bicara bank tersebut.

- (e) Pengagihan dividen kepada pelanggan merupakan hadiah atau hibah.
  - (f) Pendeposit boleh mengeluarkan wang pada bila-bila masa.
  - (g) Pendeposit menikmati kemudahan kad juruwang elektronik.
  - (h) Pemegang akaun semasa menikmati kemudahan cek.
2. Mudharabah
    - (a) Konsep **perkongsian untung**.
    - (b) Pemilik modal (pendeposit) tidak dibenarkan **bekerja** dengan pihak bank.
    - (c) Keuntungan akan **dikongsi bersama** mengikut kadar yang telah dipersetujui.
    - (d) Kerugian ditanggung oleh **pemilik modal**.
    - (e) Terdapat akaun **pelaburan am** dan akaun **pelaburan khas**.
  3. Bai Bithaman Ajil
    - (a) Konsep jual-beli secara **tertanggung** atau bayaran secara ansuran.
    - (b) Bank membuat **pembiayaan terlebih dahulu**.
    - (c) Urus niaga dalam pembiayaan aset tetap (rumah dan tanah) instrumen deposit boleh niaga, pembiayaan umrah, dan pembiayaan kredit.
  4. Takjiri
    - (a) Konsep **pindah milik harta** yang disewa.
    - (b) Bayaran sewa merupakan sebahagian daripada bayaran harta tersebut.

# BAB 3(b)

## WANG, BANK, DAN PENDAPATAN INDIVIDU (PENDAPATAN INDIVIDU)

### REVISI SPM

#### Pendapatan Individu

##### Jenis Pekerjaan Mengikut Sektor Ekonomi

Sektor ekonomi terdiri daripada tiga sektor, iaitu sektor utama, sektor kedua, dan sektor ketiga.

##### Sektor utama

1. Pengeluaran hasil atau bahan mentah secara langsung daripada sumber alam semula jadi.
2. Contoh aktiviti ekonomi dalam sektor utama ialah pertanian, penternakan, perhutanan, perikanan, dan perlombongan serta kuari.
3. Jenis-jenis pekerjaan yang tergolong dalam sektor utama seperti petani, pengurus ladang, pembalok, nelayan, pekerja kuari, jurutera petroleum, dan penternak.

##### Sektor kedua

1. Aktiviti pemprosesan atau penggunaan bahan mentah yang dikeluarkan oleh sektor utama untuk barang siap dan barang separuh siap.
2. Contoh aktiviti seperti pembuatan dan pembinaan.
3. Jenis-jenis pekerjaan sektor ini seperti operator pengeluaran, jurutera kilang, penyelia pembinaan, buruh pembinaan, tukang kayu, pelukis pelan, dan tukang cat.

##### Sektor ketiga

1. Sektor ini menyediakan perkhidmatan.
2. Contoh aktiviti ekonomi seperti perkhidmatan perdagangan borong dan runcit, hotel, telekomunikasi, kewangan, insurans, hartanah, hotel dan restoran.
3. Jenis-jenis pekerjaan sektor ini seperti doktor, peguam, kaunselor sekolah, guru, jururawat, kerani kewangan, Pramugari, penyanyi, dan pengurus bank.

##### Kepentingan Setiap Sektor Ekonomi Dari Segi Pekerjaan Mengikut Trend di Malaysia

Perubahan struktur ekonomi menyebabkan perubahan corak pekerjaan di Malaysia. Terdapat 6 corak perubahan seperti yang berikut.

1. Awal kemerdekaan
  - (a) Struktur ekonomi bergantung kepada sektor utama, iaitu getah dan bijih timah.
  - (b) Komoditi tersebut diekspor ke Britain untuk sektor perindustriannya.
  - (c) Negara kita terpaksa mengimport barang pembuatan dari Britain.
  - (d) Pekerjaan di sektor utama lebih penting daripada sektor kedua.
2. Pada tahun 1960-an
  - (a) Kerajaan memperkenalkan dasar mempelbagaikan ekonomi dengan memberi tumpuan yang lebih kepada sektor kedua dan sektor ketiga.

- (b) Bagi memajukan sektor kedua, kerajaan memperkenalkan dasar penggantian import khususnya bagi industri berasaskan sumber.
  - (c) Kerajaan memperkenalkan galakan pelaburan seperti taraf perintis dan elaun pelaburan sebagai insentif kepada para pelabur asing.
  - (d) Wujud peralihan guna tenaga daripada sektor utama kepada sektor kedua.
3. Pada tahun 1970-an
    - (a) Daripada dasar mempelbagaikan ekonomi, kerajaan telah memperkenalkan tanaman komersial baharu seperti kelapa sawit, lada hitam, kayu balak, dan koko.
    - (b) Kegiatan perlombongan petroleum dan gas asli dikembangkan.
    - (c) Walaupun wujud perubahan struktur ekonomi, sektor utama tidak diabaikan.
    - (d) Industri berorientasikan eksport bersifat intensif buruh. Contoh industri seperti elektrik dan elektronik serta jentera, tekstil, dan pakaian.
  4. Pada tahun 1980-an
    - (a) Kerajaan melaksanakan dasar perindustrian berat yang melibatkan teknologi tinggi dan pengeluaran berskala besar.
    - (b) Contoh industri berat lain seperti industri simen, besi dan keluli serta kompleks kejuruteraan.
    - (c) Malaysia menjadi pengeluar terbesar dalam sarung tangan getah dan semikonduktor.
  5. Pada tahun 1990-an
    - (a) Penubuhan Koridor Raya Multimedia (MSC) telah meningkatkan aktiviti penyelidikan dan pembangunan dalam bidang sains dan teknologi.
    - (b) Ekonomi berasaskan pengetahuan (k-ekonomi).
    - (c) Sektor swasta menjadi pemangkin pertumbuhan ekonomi melalui Dasar penswastan kerajaan.
  6. Tahun 2000 hingga kini
    - (a) Kerajaan melaksanakan Program Transformasi Negara (NTP) pada tahun 2010 dengan tujuan untuk mewujudkan ekonomi yang diterajui oleh sektor swasta dan menyokong pertumbuhan yang diterajui inovasi untuk mencapai wawasan 2020, iaitu menjadi sebuah negara maju pada tahun 2020.
    - (b) Trend pekerjaan sekarang bertukar daripada sektor kedua kepada sektor ketiga.

##### Faktor-faktor yang Mempengaruhi Pemilihan Pekerjaan

1. Upah  
Individu lebih cenderung memilih sesuatu pekerjaan yang menawarkan upah wang yang lebih tinggi. Perbezaan upah antara individu atau pekerjaan disebabkan oleh

faktor-faktor seperti kelayakan akademik, pengalaman dan kemahiran yang dimiliki, risiko pekerjaan, kesatuan sekerja, serta faktor permintaan dan penawaran buruh.

2. Faedah sampingan  
Individu lebih cenderung memilih sesuatu pekerjaan yang **menawarkan pelbagai faedah sampingan** untuk meningkatkan kebajikan pekerja. Contoh faedah sampingan seperti kemudahan tempat tinggal, perubatan percuma, cuti tahunan, skim insurans kesihatan dan kemalangan, elaun makanan, kemudahan pinjaman kereta, bonus, kemudahan penjagaan anak, dan faedah persaraan.
3. Jaminan kerja  
Pekerja sektor awam mempunyai **jaminan kerja yang lebih tinggi** daripada pekerja sektor swasta.
4. Lokasi tempat kerja  
Individu memilih sesuatu pekerjaan kerana jarak yang **dekat dengan tempat kediaman**, menjimatkan **kos**, dan **masa**.
5. Suasana tempat kerja  
Individu memilih sesuatu pekerjaan yang **berisiko rendah**, suasana yang **nyaman**, dan **bersih**.
6. Faktor-faktor lain seperti **prospek pekerjaan**, **kepuasan kerja**, **waktu bekerja**, **pengalaman** dan **kemahiran**, dan **saiz firma**.

#### Jenis-jenis Pendapatan Individu

1. Pendapatan individu merupakan **ganjaran** atau pulangan yang berbentuk **wang** yang diterima oleh individu dalam tempoh masa tertentu.
2. Pendapatan individu ialah gabungan pendapatan **faktor produktif** dan pendapatan **faktor tidak produktif**.
3. Pendapatan produktif
  - (a) Upah – ganjaran yang diterima oleh buruh yang **menyumbangkan tenaga fizikal atau mental** dalam proses **pengeluaran**. Upah dibahagikan kepada dua jenis, iaitu **upah nominal (wang)** dan **upah benar** (kuasa beli).
  - (b) Sewa – ganjaran kepada **pemilik tanah** kerana sanggup memberi **hak penggunaan** kepada pihak lain.
  - (c) Faedah – ganjaran kepada **pemilik modal wang** yang sanggup **menanggungkan perbelanjaan penggunaan** pada masa kini atau **sanggup menanggung risiko**. Individu yang menabung di institusi kewangan konvensional akan menerima faedah.
  - (d) Dividen – ganjaran yang diterima oleh pemilik modal wang yang menabung di institusi kewangan yang mengikut prinsip syariah.
  - (e) Untung – ganjaran kepada **usahawan** kerana **menggabungkan atau menyelaraskan faktor pengeluaran** dalam menghasilkan barang dan perkhidmatan.
4. Pendapatan tidak produktif  
Bayaran pindahan – ganjaran yang diterima oleh individu **tanpa menyumbangkan tenaga** dalam proses pengeluaran. Contoh seperti wang saku, pencen, derma, biasiswa, wang pampasan, Bantuan Rakyat 1 Malaysia (BR1M), biasiswa, elaun hidup, baucar buku teks, dan subsidi.

#### Kaitan antara Pelbagai Kerjaya dengan Matlamat Pendapatan Peribadi

Pendapatan individu dipengaruhi oleh faktor-faktor seperti pilihan **kerjaya**, pilihan **pendidikan**, kemahiran **keusahawanan**, dan keadaan **ekonomi**.

#### Penggunaan Pendapatan Individu

##### Konsep Pendapatan Boleh Guna

1. Pendapatan boleh guna ialah **pendapatan sebenar** atau pendapatan bersih yang boleh digunakan oleh individu selepas ditolak **potongan wajib**.
2. Potongan wajib ialah bayaran yang **diwajibkan** oleh kerajaan dan agama Islam ke atas individu.
3. Contoh potongan wajib
  - (a) Caruman kepada Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP)
  - (b) Cukai pendapatan perseorangan
  - (c) Bayaran zakat (umat Islam sahaja)
  - (d) Caruman kepada Pertubuhan Keselamatan Sosial Pekerja (PERKESO)

##### Potongan Wajib

1. Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP)  
Tujuan KWSP adalah untuk menyediakan faedah persaraan kepada ahli-ahlinya melalui pengurusan caruman mereka.
2. Pertubuhan Keselamatan Sosial Pekerja (PERKESO)  
Tujuan PERKESO untuk memberi **perlindungan keselamatan** sosial melalui insurans sosial.
3. Cukai Pendapatan Individu  
Cukai pendapatan individu merupakan cukai yang **wajib dibayar** oleh seseorang apabila jumlah pendapatan tahunan melebihi satu tahap tertentu yang ditetapkan oleh kerajaan.
4. Zakat  
Zakat dikenakan terhadap **individu Islam yang mampu** dan memenuhi semua syarat-syarat tertentu.

#### Keperluan dan Kehendak

Perbezaan antara keperluan dan kehendak

Keperluan	Kehendak
Untuk terus hidup	Untuk keselesaan hidup
Pilihan yang terhad	Pilihan yang pelbagai
Tiada barang pengganti	Banyak barang pengganti
Kerajaan mengawal harga	Kerajaan tidak mengawal harga
Harga lebih stabil	Harga tidak stabil
Tidak dipengaruhi oleh pendapatan	Dipengaruhi oleh pendapatan
Mudah dipenuhi	Sukar dipenuhi
Berunsur kemestian	Tidak berunsur kemestian
Contoh seperti makanan, rumah, dan pakaian	Contoh seperti kereta mewah dan banglo

### Penggunaan Pendapatan Individu

1. Pendapatan individu ialah menjumlahkan **upah, sewa, faedah, dividen, untung, dan bayaran pindahan** yang diterima oleh individu.
2. Apabila pendapatan individu ditolak dengan potongan wajib, maka pendapatan boleh guna ( $Y_d$ ) diperoleh:  
 $Y_d = \text{Pendapatan individu} - \text{Potongan wajib}$   
 $= \text{Pendapatan individu} - \text{Caruman KWSP} - \text{Caruman PERKESO} - \text{Cukai pendapatan} - \text{Zakat dan}$
3. Tabungan ialah sebahagian daripada pendapatan boleh guna yang **tidak dibelanjakan** untuk membeli barang dan perkhidmatan.
4. Perbelanjaan penggunaan terdiri daripada perbelanjaan terhadap **barang tahan lama, barang tidak tahan lama, dan perkhidmatan.**

### Faktor yang Mempengaruhi Corak Perbelanjaan Pengguna

#### Pendapatan

1. Barang mewah atau barang normal/biasa – apabila pendapatan **meningkat**, corak perbelanjaan pengguna akan **beralih** kepada barang seperti kereta, banglo, dan barang kemas. Sebaliknya, penurunan pendapatan menyebabkan corak perbelanjaan pengguna terhadap barang normal atau mewah **berkurang**. Hubungan pendapatan dengan barang normal atau mewah adalah **positif**.
2. Barang mesti – apabila pendapatan bertambah atau berkurang, corak perbelanjaan pengguna terhadap beras, garam, dan minyak masak **tidak berubah**. Hubungan antara pendapatan dan barang mesti adalah **sifar**.
3. Barang bawahan – apabila pendapatan **bertambah**, corak perbelanjaan pengguna terhadap barang bawahan seperti beras hancur atau barang yang berkualiti rendah **berkurang**. Sebaliknya, apabila pendapatan **berkurang**, corak perbelanjaan pengguna terhadap barang bawahan **bertambah**. Hubungan pendapatan dengan barang bawahan adalah **negatif**.

#### Harga

1. **Barang keperluan** – apabila harga barang naik dengan banyak, corak perbelanjaan pengguna terhadap barang berkurang sedikit sahaja. Sebaliknya, apabila harga barang keperluan turun dengan banyak, corak perbelanjaan pengguna bertambah sedikit sahaja. Nilai keanjalan barang tersebut adalah **tidak anjal**.
2. **Barang kehendak** – apabila harga barang tersebut naik sedikit sahaja, corak perbelanjaan pengguna terhadap barang tersebut berkurang dengan banyak. Sebaliknya, apabila harga barang turun, corak perbelanjaan pengguna terhadap barang tersebut bertambah dengan banyak. Barang kehendak mempunyai keanjalan harga permintaan yang besar atau **anjali**.

#### Barang Pengganti

1. Andaikan terdapat banyak pengganti bagi minuman ringan jenama Coca-cola. Apabila harga Coca-cola naik, menyebabkan pengguna memilih minuman ringan

jenama Pepsi, maka corak perbelanjaan pengguna akan beralih dari Coca-cola kepada Pepsi. Nilai keanjalan harga permintaan adalah **anjali**.

2. Andaikan sukar mendapat barang pengganti. Apabila harga gula atau garam naik, menyebabkan pengguna sukar mencari pengganti, maka corak perbelanjaan pengguna terhadap barang tersebut berkurang sedikit sahaja. Nilai keanjalan harga permintaan barang tersebut adalah **tak anjal**.

### Pengiklanan dan Pemasaran

1. **Pengiklanan yang agresif** dan berjaya untuk memberitahu pengguna tentang kewujudan dan cara penggunaan sesuatu barang akan mempengaruhi corak perbelanjaan pengguna.
2. **Pemasaran yang efektif** seperti pemasaran barang atau perkhidmatan kepada pengguna akhir melalui pemasaran tidak langsung (internet) atau pemasaran langsung (pemborong dan peruncit) memudahkan para pengguna membeli barang atau perkhidmatan.

### Cita rasa dan segmen pasaran

1. **Cita rasa** pengguna berbeza dari segi kaum, umur, dan jantina mempengaruhi corak perbelanjaan pengguna.
2. **Segmen pasaran** iaitu pembahagian pasaran kepada subunit yang kecil berdasarkan kumpulan pengguna tertentu.
3. Keluaran suatu barang dapat mempengaruhi corak perbelanjaan pengguna berdasarkan ciri-ciri keluaran barang tersebut.

### Kaedah Pembayaran untuk Pembelian Barang Bayaran secara tunai

1. Bayaran tunai bermaksud pengguna **membayar secara wang tunai** sebaik sahaja menerima barang dan perkhidmatan dari firma.
2. Kelebihan kaedah pembayaran secara tunai ialah harga lebih **murah**, barang terus menjadi **hak milik**, perbelanjaan dalam **kawalan** atau berhemah, menikmati **diskaun**, urusan niaga dengan bayaran tunai diterima secara meluas, **tidak terikat** dengan beban hutang, mengelak daripada bayaran kadar faedah, tiada unsur **riba**, membeli mengikut **kemampuan**, dan mengelakkan **pembaziran**.
3. Kekurangan kaedah pembayaran secara tunai ialah **risiko kecurian** atau keciciran tunai, tidak dapat melindungi diri daripada kenaikan harga atau inflasi, tidak berpeluang memiliki barang yang **mahal**, tidak dapat menikmati **barang mewah**, sukar mendapat khidmat lepas jualan, jumlah perbelanjaan barang **terhad**, dan perlu membawa **tunai yang banyak**.

### Bayaran secara kredit

1. Bayaran kredit bermaksud **bayaran ditangguhkan** untuk suatu tempoh masa tertentu dan pengguna boleh menggunakan barang atau perkhidmatan tersebut sebelum menjelaskan harga penuh.
2. Kelebihan kaedah pembayaran kredit ialah membayar secara ansuran **meringankan beban kewangan**, boleh menikmati barang atau perkhidmatan **tanpa bayaran**

harga penuh, taraf hidup meningkat, pembeli merancang perbelanjaan, pembeli mengambil barang secara kredit dan memulakan perniagaan, menyenangkan perbelanjaan yang melibatkan jumlah wang yang banyak, tidak perlu membayar tunai yang banyak, dan kurang risiko kecurian atau kecurian tunai.

3. Kekurangan kaedah pembayaran kredit ialah beban hutang bertambah atau membayar jumlah yang lebih tinggi, perbelanjaan melebihi pendapatan atau pembaziran, pengguna terpaksa menanggung pembelian barang lain, wujud kos lepas terhadap lain, barang belum menjadi hak milik sebelum bayaran penuh dan boleh ditarik balik, mufis atau bankrap, dan bersikap boros semasa berbelanja.

#### Fitur ekonomi dalam pembelian kredit

1. Bayaran pendahuluan – memerlukan wang cengkera atau deposit.
2. Kadar faedah – bulanan dikenakan.
3. Caj kewangan – dikenakan caj kewangan atas pemegang kad kredit.
4. Jumlah perlu dibayar – baki harga selepas ditolak bayaran pendahuluan dan ditambah faedah pinjaman.

#### Belanjawan Peribadi

1. Belanjawan peribadi ialah suatu anggaran perbelanjaan berdasarkan anggaran pendapatan boleh guna individu untuk suatu masa tertentu biasanya sebulan.
2. Belanjawan peribadi membolehkan individu mencapai matlamat kewangannya.
3. Matlamat kewangan merujuk kepada sesuatu yang ingin dicapai oleh individu dalam jangka masa tertentu.
4. Penentu matlamat kewangan seperti keinginan, umur individu, minat, dan kedudukan kewangan.
5. Matlamat kewangan seperti menggalakkan perbelanjaan berhemah, membantu seseorang memahami nilai sebenar wang, mempunyai tabungan, dan mempunyai baki pendapatan yang tidak dibelanjakan setiap bulan.
6. Cara penyediaan belanjawan peribadi seperti mengenal pasti punca pendapatan dan potongan wajib, mencatat semua perbelanjaan yang perlu dilakukan, menyusun perbelanjaan mengikut keutamaan, dan mengimbangkan anggaran pendapatan boleh guna dan perbelanjaan.
7. Kepentingan belanjawan peribadi, membolehkan individu mendahulukan perkara penting, membantu individu menabung, membantu menyelaraskan perbelanjaan mengikut pendapatan, mengelakkan hutang, dan mengelakkan kenaikan harga atau inflasi.

#### Strategi Simpanan

1. Tujuan simpanan ialah menghadapi waktu kecemasan, membeli barang tahan lama, membiayai pendidikan, mencapai cita-cita, dan menambah punca pendapatan.
2. Strategi simpanan
  - (a) Bank perdagangan – memilih akaun tabungan, akaun simpanan tetap, atau akaun semasa (faedah atau dividen).

- (b) Bank Islam – boleh memilih akaun simpanan – I Wadiah, Al-Awfar atau deposit bertempoh-I (Tawarruq) (dividen atau untung).
- (c) Bank Simpanan Nasional (BSN) – akaun GIRO, akaun tabungan, akaun simpanan tetap, akaun SEDAR, akaun CHESS, dan membeli Sijil Simpanan Premium.
- (d) Lembaga Tabung Haji (LTH) – boleh membuka akaun tabungan bagi warganegara Malaysia yang beragama Islam (bonus dan dividen).
- (e) Unit Amanah – membeli unit amanah saham seperti Amanah Saham Nasional (dividen dan bonus saham).
- (f) Koperasi – simpanan oleh ahli koperasi sahaja (dividen).
- (g) Syarikat insurans atau takaful – membeli polisi insurans nyawa atau takaful (dividen dan perlindungan risiko).
- (h) Syarikat kewangan – memilih kemudahan simpanan islamik atau konvensional (faedah atau dividen).
- (i) Simpanan-simpanan lain – membeli bon dan emas.

#### Konsep Risiko dan Pulangan dalam Pelaburan

1. Pelaburan – komitmen dana kepada aset yang akan dipegang buat suatu tempoh dengan harapan aset tersebut akan mendatangkan keuntungan modal yang lebih tinggi pada masa depan.
2. Jenis-jenis pelaburan
  - (a) Simpanan di bank – individu menabung wangnya dalam akaun tetap di bank perdagangan untuk memperoleh faedah.
  - (b) Hartanah – Individu membeli aset tetap seperti rumah kediaman, kedai dan tanah serta memperoleh pulangan dalam bentuk sewa, dan keuntungan modal (nilai aset meningkat).
  - (c) Saham – Individu membeli saham di Bursa Malaysia dan memperoleh dividen dan keuntungan modal.
  - (d) Unit amanah – Individu membeli unit amanah yang diuruskan oleh syarikat pengurusan unit amanah dan memperoleh dividen serta keuntungan modal.
  - (e) Sekuriti pinjaman – Individu membeli sekuriti pinjaman seperti bon, debentur, dan sekuriti kerajaan untuk memperoleh faedah.
  - (f) Logam pelaburan – Individu membeli jongkong emas, perak, dan platinum untuk memperoleh keuntungan modal.
  - (g) Urus niaga pertukaran asing (FOREX) – Individu membeli mata wang asing pada harga yang rendah dan menjual semula mata wang asing apabila nilainya meningkat untuk memperoleh keuntungan modal.

#### Risiko dalam pelaburan

1. Risiko pelaburan merujuk kepada kemungkinan individu mengalami keadaan ketidakpastian daripada pelaburan yang dilakukan.
2. Aktiviti pelaburan menghadapi ketidakpastian seperti keuntungan atau kerugian dalam sesuatu urus niaga. Contoh, saham (risiko yang tinggi), unit amanah

(risiko rendah), simpanan tetap (bebas risiko), sekuriti kerajaan (bebas risiko), dan debentur – hutang syarikat (risiko tinggi).

3. Pulangan dalam pelaburan peribadi seperti keuntungan, faedah, sewa, dan keuntungan modal (kenaikan nilai aset pelaburan-saham atau hartanah).

#### Hubungan antara Risiko dan Pulangan Pelaburan

1. Lazimnya, **risiko tinggi** dalam sesuatu pelaburan akan menghasilkan **pulangan tinggi** dan sebaliknya.
2. Hubungan risiko dan pulangan pelaburan adalah **positif**.
3. Contoh, pelaburan dalam bon kerajaan mempunyai risiko yang rendah berbanding dengan bon korporat atau saham. Bon kerajaan dijamin oleh kerajaan dan pulangannya adalah rendah. Manakala pulangan bon korporat atau saham lebih tinggi kerana harga saham turun naik dengan cepat.
4. (a) Setiap pelaburan menghadapi risiko, pulangan, dan kecairan.  
(b) Pulangan ialah jangkaan yang pelabur jangka akan dapat pada masa depan. Kecairan ialah keadaan betapa senang untuk mengeluarkan wang daripada pelaburan atau keupayaan aset untuk ditukar menjadi tunai.

(c) Jadual di bawah ini merupakan perbandingan pelbagai jenis pelaburan peribadi.

Jenis Pelaburan Peribadi	Risiko	Pulangan	Kecairan
Unit amanah	Rendah	Rendah	Tinggi
Hartanah	Rendah	Rendah	Rendah
Saham/ekuiti	Tinggi	Tinggi	Sederhana
Bon korporat/debentur	Tinggi	Tinggi	Sederhana
Bon/sekuriti kerajaan	Bebas	Rendah	Sederhana
Simpanan tetap	Bebas	Rendah	Tinggi
Urus niaga mata wang asing	Tinggi	Tinggi	Tinggi

REVISI SPM

**Firma**

1. Firma ialah satu unit ekonomi yang produktif merancang dan menggabungkan sumber ekonomi yang terhad untuk mengeluarkan barang dan perkhidmatan.
2. Firma terdiri daripada:
  - (a) **firma swasta** – objektifnya adalah untuk memaksimumkan keuntungan dan memaksimumkan jualan;
  - (b) **firma awam** – objektif firma awam adalah untuk memaksimumkan kebajikan masyarakat dan taraf hidup rakyat.
3. Modal firma akan menentukan sama ada firma itu bersaiz kecil atau besar.
3. Pengeluaran melibatkan input tetap dan input berubah.

4. Firma berperanan sebagai:

- (a) pembekal barang dan perkhidmatan kepada isi rumah;
- (b) pengguna faktor pengeluaran yang diminta daripada isi rumah.

**Pengeluaran**

1. Pengeluaran ialah suatu proses yang menggabungkan input pengeluaran oleh firma untuk menghasilkan barang dan perkhidmatan.
2. Pengeluaran juga didefinisikan sebagai proses perubahan bentuk input (gandum) kepada output (roti).

Input Tetap	Aspek Perbezaan	Input Berubah
Tidak berubah walaupun jumlah keluaran berubah	Jumlah keluaran	Berubah mengikut jumlah keluaran, iaitu hubungan langsung dengan jumlah keluaran
Wujud dalam jangka masa pendek sahaja	Jangka masa	Wujud dalam jangka masa pendek dan jangka masa panjang
Wujud walaupun keluaran sifar	Keluaran sifar	Tidak digunakan apabila keluaran sifar
Kilang, bangunan, peralatan, dan mesin	Contoh	Buruh, bahan mentah, dan bahan api

**Jangka Masa Pengeluaran**

1. Konsep jangka masa pengeluaran tidak tertakluk kepada tempoh masa atau bilangan tahun tertentu.
2. Jangka masa pengeluaran terbahagi kepada **jangka masa pendek** dan **jangka masa panjang**.

Jangka Masa	Jangka Masa Pendek	Jangka Masa Panjang
Maksud	Satu jangka masa apabila firma hanya dapat mengubah sesetengah input pengeluaran	Satu jangka masa apabila firma dapat mengubah semua input pengeluaran
Jenis input	Input tetap dan input berubah	Input berubah sahaja
Jenis kos	Kos tetap dan kos berubah	Kos berubah sahaja

**Fungsi Pengeluaran Jangka Pendek**

1. Fungsi pengeluaran jangka pendek merujuk kepada hubungan antara input berubah yang ditambah atas input tetap pada setiap tingkat output (keluaran).
2. Fungsi pengeluaran dapat ditulis seperti yang berikut:

$$Q = f(\bar{K}, B)$$

dengan Q – Output ; f – fungsi kepada;  $\bar{K}$  – input tetap (Modal); B – input berubah (Buruh)

3. Jumlah keluaran, keluaran purata, dan keluaran marginal.

Butiran	Maksud	Rumus
Jumlah Keluaran (TP)	Jumlah unit barang yang dikeluarkan oleh sesebuah firma apabila input berubah ditambah unit demi unit atas input tetap	$TP = \text{Keluaran purata} \times \text{Input berubah}$
Keluaran Purata (AP)	Kuantiti barang yang dikeluarkan oleh seunit input berubah	$AP = \frac{\text{Jumlah keluaran}}{\text{Bilangan input berubah}}$
Keluaran Marginal (MP)	Perubahan jumlah keluaran akibat perubahan satu unit input berubah	$MP = \frac{\text{Perubahan jumlah keluaran}}{\text{Perubahan input berubah}}$

4. Jadual di bawah ini menunjukkan fungsi pengeluaran jangka pendek.

Modal (Unit) 1	Buruh (Orang) 2	Jumlah Keluaran (TP) (Unit) 3	Keluaran Purata (AP) (Unit) $4 = \frac{3}{2}$	Keluaran Marginal (MP) (Unit) $5 = \frac{\Delta 3}{\Delta 2}$
1	0	0	—	—
1	1	10	10.00	10
1	2	25	12.50	15
1	3	45	15.00	20
1	4	60	15.00	15
1	5	70	14.00	10
1	6	75	12.50	5

Berdasarkan jadual di atas, hubungan antara perubahan input berubah dengan keluaran purata dan keluaran marginal.

Bilangan Buruh 0 – 3 Orang	Bilangan Buruh 3 – 4 Orang	Bilangan Buruh 4 – 6 Orang
(a) AP sedang meningkat; MP meningkat dan mencapai maksimum dan kemudian menurun (b) $AP < MP$	(a) AP mencapai maksimum pada 4 orang buruh (b) $AP = MP$ pada buruh ke-4	(a) AP dan MP sedang menurun (b) $AP > MP$

### Kos Pengeluaran

- Kos pengeluaran merujuk kepada jumlah perbelanjaan input pengeluaran yang digunakan dalam proses pengeluaran.
- Kos pengeluaran dibahagikan kepada kos pengeluaran jangka pendek dan kos pengeluaran jangka panjang.

- Kos pengeluaran jangka pendek terdiri daripada kos tetap dan kos berubah.
- Kos pengeluaran jangka panjang terdiri daripada kos berubah sahaja.
- Perbezaan antara kos tetap (FC) dan kos berubah (VC).

Kos Tetap (FC)	Aspek Perbezaan	Kos Berubah (VC)
Bayaran kepada input tetap	Maksud	Bayaran kepada input berubah
Kos tetap = Jumlah kos – Kos berubah	Rumus	Kos berubah = Jumlah kos – Kos tetap
Wujud dalam jangka pendek	Jangka masa	Wujud dalam jangka pendek dan jangka panjang
Tidak berubah mengikut tingkat keluaran	Jumlah keluaran	Hubungan langsung dengan tingkat keluaran
Wujud walaupun keluaran sifar	Keluaran sifar	Tidak wujud pada tingkat keluaran sifar
Sewa kilang, faedah pinjaman bank, insurans kebakaran kilang	Contoh kos	Upah, bayaran bahan mentah, dan bayaran bahan api

6. Jumlah kos, kos berubah purata, kos purata, dan kos marginal.

Butiran	Maksud	Rumus
Kos berubah purata (AVC)	Kos berubah bagi seunit keluaran	$AVC = \frac{FC}{Q}$
Jumlah kos (TC)	Jumlah kos tetap dan kos berubah	$TC = FC + VC$
Kos marginal (MC)	Perubahan jumlah kos akibat perubahan satu unit output	$MC = \frac{\Delta TC}{\Delta Q}$ Atau $MC = \frac{\Delta VC}{\Delta Q}$
Kos purata (AC)	Kos per unit output	$AC = \frac{TC}{Q}$ Atau $AC = \frac{FC + VC}{Q}$

7. Jadual di bawah ini menunjukkan contoh pengiraan kos pengeluaran jangka pendek.

Jumlah Output (unit)	Kos Tetap (FC) (RM)	Kos Berubah (VC) (RM)	Jumlah Kos (TC) (RM)	Kos Purata (AC) (RM)	Kos Marginal (MC) (RM)	Kos Berubah Purata
1	2	3	4 = 2 + 3	5 = $\frac{4}{1}$	6 = $\frac{\Delta 4}{\Delta 1}$	7 = $\frac{3}{1}$
0	100	0	100	-	-	-
1	100	20	120	120	20	20
2	100	36	136	68	16	18
3	100	47	147	49	11	15.7
4	100	60	160	40	13	15
5	100	110	210	42	50	22
6	100	170	270	45	60	28.3

Berdasarkan jadual di atas,

- (a) Hubungan jumlah output dengan jumlah kos
- Output sifar, jumlah kos RM100.
  - Jumlah output bertambah 1 – 6 unit, jumlah kos meningkat.
  - Hubungan jumlah output dan jumlah adalah positif.
- (b) Hubungan jumlah output dengan kos purata
- Output 0 – 4 unit, kos purata menurun sehingga mencapai minimum pada 4 unit.
  - Output 4 – 6 unit, kos purata meningkat.
- (c) Hubungan antara jumlah output dan kos marginal.
- Output 0 – 3 unit, kos marginal menurun dan mencapai minimum pada unit ke-3.
  - Output 3 – 6 unit, kos marginal meningkat.
- (d) Hubungan jumlah output dengan kos purata dan kos marginal.
- Output 0 – 4, kos purata menurun dan mencapai minimum, kos marginal lebih kecil daripada kos purata ( $MC < AC$ ) dan menurun, serta mencapai minimum pada unit ke-3 dan meningkat.
  - Output 4 – 6 unit, kos purata dan kos marginal meningkat, maka kos marginal lebih besar daripada kos purata ( $MC > AC$ ).

- Antara output ke-4 dan ke-5, kos marginal sama dengan kos purata minimum ( $MC = AC$  minimum).

- (e) Jumlah output dan kos berubah purata
- Output 0 – 4 unit, kos berubah purata menurun dan mencapai minimum pada 4 unit.
  - Output 4 – 6 unit, kos berubah purata meningkat.

#### Konsep Hasil dan Untung

- Hasil merujuk kepada nilai penerimaan firma daripada jualan outputnya.
- Jumlah hasil (TR) ialah jumlah hasil jualan (pendapatan) yang diperoleh firma daripada kuantiti output yang dijual di pasaran.  
Rumus: Jumlah hasil = Output jualan  $\times$  Harga barang
- (a) Untung ialah perbezaan antara jumlah hasil dengan jumlah kos.  
Rumus: Untung = Jumlah hasil – Jumlah kos
  - Untung positif berlaku apabila jumlah hasil melebihi jumlah kos
  - Untung sifar berlaku apabila jumlah hasil sama dengan jumlah kos
  - Untung negatif atau rugi berlaku apabila jumlah hasil kurang daripada jumlah kos

4. Kos pengeluaran (kos ekonomi) terdiri daripada **kos implisit** dan **kos eksplisit**.  
 Kos pengeluaran = Kos implisit + Kos eksplisit
5. Perbezaan antara **kos implisit** dengan **kos eksplisit**:

Kos Implisit	Kos Eksplisit
<b>Kos lepas</b> yang ditanggung oleh firma apabila firma tersebut menggunakan faktor pengeluaran milik sendiri dalam proses pengeluaran <b>tanpa sebarang pembayaran wang</b>	Kos yang melibatkan pembayaran wang secara langsung oleh firma kerana menggunakan faktor pengeluaran yang tidak dimiliki oleh firma tersebut
Rumus kos implisit = Jumlah kos pengeluaran – Kos eksplisit	Rumus kos eksplisit = Jumlah kos pengeluaran – Kos implisit

6. Untung terdiri daripada **untung ekonomi** dan **untung perakaunan**. Rumusnya ialah:  
 Untung perakaunan = Jumlah hasil – Kos eksplisit  
 Untung ekonomi = Jumlah hasil – (Kos implisit + Kos eksplisit)  
 Atau Untung ekonomi = Untung perakaunan – Kos implisit

**Tahap Pengeluaran Paling Cepak**  
**Hukum Pulangan Berkurangan**

- Hukum pulangan berkurangan menyatakan **apabila input berubah** (buruh) **ditambah secara berterusan ke atas input tetap** (modal / tanah), pada mulanya **tambahan keluaran akan meningkat** sehingga suatu tahap, kemudian setiap unit **tambahan input berubah** menyebabkan **tambahan keluaran semakin berkurang** dan **menjadi negatif**.
- Andaian hukum pulangan berkurangan:
  - terdapat sekurang-kurangnya satu input tetap;

- input berubah adalah homogen atau sama cekap;
  - tingkat teknologi tetap.
- Hukum pulangan berkurangan dibahagikan kepada **pulangan marginal bertambah**, **pulangan marginal berkurang**, dan **pulangan marginal negatif**.
  - Pulangan marginal bertambah berlaku apabila pertambahan input berubah kepada input tetap menyebabkan jumlah **keluaran bertambah** dengan kadar yang **meningkat sehingga maksimum**.
  - Pulangan marginal berkurang berlaku apabila pertambahan input berubah kepada input tetap menyebabkan jumlah **keluaran bertambah** dengan kadar yang **menurun sehingga sifar**.
  - Pulangan marginal negatif berlaku apabila pertambahan input berubah kepada input tetap menyebabkan **jumlah keluaran menurun sehingga negatif**.
  - Jadual di bawah ini menunjukkan tahap-tahap pengeluaran dalam jangka pendek.

Tanah (Ekar) (1)	Buruh (Orang) (2)	Jumlah Keluaran (TP) (Unit) (3)	Keluaran Purata (AP) $4 = \frac{(3)}{(2)}$	Keluaran Marginal (MP) $5 = \frac{\Delta 3}{\Delta 2}$
1	0	0	-	-
1	1	15	15	15
1	2	35	17.5	20
1	3	54	18	19
1	4	60	15	6
1	5	65	13	5
1	6	65	10.8	0
1	7	63	9	-2
1	8	56	7	-7

Berdasarkan jadual di atas,  
 (a) bilangan buruh 1 – 2 orang – berlaku **pulangan marginal bertambah** apabila pertambahan input berubah kepada input tetap menyebabkan jumlah keluaran bertambah dengan kadar yang meningkat sehingga keluaran marginal maksimum.

(b) bilangan buruh 3–6 orang – berlaku **pulangan marginal berkurang** apabila pertambahan input berubah kepada input tetap menyebabkan jumlah keluaran bertambah dengan kadar yang menurun sehingga keluaran marginal sifar.

- (c) bilangan buruh 7 – 8 orang – berlaku **pulangan marginal negatif** apabila pertambahan input berubah kepada input tetap menyebabkan jumlah keluaran menurun. Keadaan ini menyebabkan keluaran marginal negatif.

8. Analisis tahap-tahap pengeluaran yang cekap.

Tahap Pengeluaran	Analisis
Tahap 1	<ul style="list-style-type: none"> <li>Tanah terlalu luas dan bilangan buruh tidak cukup, jadi dengan menambahkan bilangan buruh, produktiviti akan meningkat. Keadaan ini ditunjukkan dengan AP dan MP semakin meningkat.</li> <li>Nisbah input tetap (tanah) kepada input berubah (buruh) tidak optimum/cekap kerana wujud lebih kapasiti, iaitu pembaziran dalam penggunaan input tetap.</li> <li>Pengeluar yang rasional tidak akan memilih tahap ini kerana produktiviti buruh semakin meningkat.</li> </ul>
Tahap 2	<ul style="list-style-type: none"> <li>Tambahan buruh dan mengurangkan lebih kapasiti tanah menyebabkan penggunaan input semakin cekap.</li> <li>MP semakin menurun tetapi jumlah keluaran semakin meningkat, iaitu tambahan satu unit buruh meningkatkan jumlah keluaran.</li> <li>AP semakin menurun. Nisbah input tetap kepada input berubah mencapai optimum, iaitu cekap dan mencapai kapasiti maksimum.</li> <li>Pengeluar yang rasional akan memilih tahap ini.</li> </ul>
Tahap 3	<ul style="list-style-type: none"> <li>Tambahan buruh dan penggunaan tanah yang berlebihan menyebabkan ketidakcekapan input dan jumlah keluaran menurun, iaitu MP menjadi negatif.</li> <li>Tanah yang terhad tidak dapat menampung bilangan buruh yang semakin bertambah.</li> <li>AP menurun, iaitu wujud pengangguran tersembunyi/tak ketara.</li> <li>Pengeluar yang rasional tidak akan memilih tahap ini kerana pengurangan buruh dapat meningkatkan jumlah keluaran.</li> </ul>

## Produktiviti dan Eksternaliti

### Konsep Produktiviti

- (a) **Produktiviti** atau daya pengeluaran ialah **output per unit input** atau produktiviti, iaitu keupayaan untuk menambahkan output daripada sejumlah input tertentu.
- (b) Peningkatan produktiviti **menurunkan** kos pengeluaran per unit output.
- (c) Semakin banyak produktiviti fizikal, semakin sedikit kuantiti input digunakan untuk menghasilkan suatu tingkat output tertentu dan semakin rendah kos per unit terhadap output itu.
- (d) Produktiviti membolehkan **pertumbuhan ekonomi** sesebuah negara akibat kecekapan dalam penggunaan input pengeluaran.
- (e) Rumus:
 
$$\text{Produktiviti} = \frac{\text{Jumlah output}}{\text{Jumlah input}} = \text{Keluaran purata}$$
- (f) Produktiviti **maksimum** berlaku apabila **keluaran purata maksimum**.
- (g) Produktiviti **bertambah** apabila **keluaran purata meningkat**.
- (h) Produktiviti **berkurang** apabila **keluaran purata menurun**.

### Faktor yang Mempengaruhi Produktiviti

- Tenaga buruh** – tahap kemahiran, pengalaman, dan motivasi yang tinggi (insentif kenaikan upah/pangkat).

- Sistem dan prosedur** – perlu jelas, ringkas, dan mudah diikuti serta dapat mengesan dan mengatasi kelemahan sistem operasi dengan cepat.
- Struktur organisasi** – pengkhususan dalam struktur organisasi.
- Gaya kepimpinan** – yang berkesan, boleh membuat keputusan yang tepat, sanggup mengambil risiko, dan berwibawa.
- Persekitaran kerja** – susun atur yang sistematik dan kemudahan yang lengkap di tempat kerja.
- Bahan-bahan** – kualiti barang yang bermutu dapat mengelakkan pembaziran dan pengurusan inventori yang cekap.
- Teknologi** – penggunaan teknologi moden menjimatkan masa dan kos pengeluaran.
- Kelengkapan modal** – penyelenggaraan dan pemeriksaan modal dari semasa ke semasa perlu dijalankan untuk mengelakkan pengeluaran tergendala.

### Eksternaliti

- Eksternaliti ialah **faedah** atau **kos yang tidak diambil kira** dalam pengeluaran atau penggunaan sesuatu barang atau perkhidmatan.  
Atau  
Eksternaliti ialah faedah atau kos daripada pengeluaran atau penggunaan sesuatu barang atau perkhidmatan tanpa membuat bayaran ganti rugi atau pampasan kepada pihak yang tidak menjual atau membelinya (pihak ketiga).

2. Eksternaliti terdiri daripada **eksternaliti negatif** dan **eksternaliti positif** dan kedua-duanya tidak dimasukkan dalam harga pasaran.
3. Kos sosial (kos sebenar) ialah kos yang ditanggung

oleh firma atas penggunaan input pengeluaran dan kos lain yang mesti dibayar kepada masyarakat.

$$\text{Rumus: Kos Sosial} = \text{Kos peribadi} + \text{Kos luaran (Eksternaliti negatif)}$$

	Kos Peribadi	Kos Luaran/Eksternaliti Negatif
Maksud	Kos yang dihadapi oleh pengeluar atau pembeli secara langsung dalam suatu urusan niaga. Kos peribadi = Kos eksplisit (nyata) + Kos implisit (tak nyata)	Kos yang dikenakan tanpa bayaran ganti rugi ke atas pihak ketiga dan bukan ke atas pengeluar atau pengguna suatu barang.
Contoh	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Upah</li> <li>• Premium insurans kebakaran</li> <li>• Faedah pinjaman bank</li> <li>• Bayaran bil</li> <li>• Faedah yang dilepaskan</li> <li>• Sewa yang ditanggung oleh firma</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Pembuangan bahan bertoksik dalam sungai – nelayan (pihak ketiga) mengalami kerugian kerana hasil tangkapan merosot.</li> <li>• Kilang penapis petroleum mencemarkan udara – komuniti setempat (pihak ketiga) tidak mendapat pampasan akibat kesihatan yang merosot.</li> </ul>

4. **Faedah sosial** ialah semua faedah yang diperoleh daripada pengeluaran atau penggunaan barang dan perkhidmatan.

$$\text{Rumus: Faedah Sosial} = \text{Faedah peribadi} + \text{Faedah luaran (Eksternaliti positif)}$$

	Faedah Peribadi	Faedah Luaran/Eksternaliti Positif
Maksud	Faedah yang diperoleh oleh pengeluar atau pengguna secara langsung dalam suatu urusan niaga.	Faedah yang diperoleh tanpa bayaran ganti rugi kepada pihak ketiga apabila pengeluar atau pembeli menggunakan suatu barang.
Contoh:	Pemilik basikal memperoleh faedah seperti <ul style="list-style-type: none"> <li>• menjimatkan kos pengangkutan</li> <li>• kesihatan meningkat</li> <li>• menjimatkan masa</li> </ul>	Faedah kepada pihak ketiga seperti <ul style="list-style-type: none"> <li>• mengurangkan kesesakan lalu lintas – dapat menjimatkan kos petrol</li> <li>• mengurangkan kemalangan dan mengurangkan pencemaran alam – menjimatkan kos perubatan</li> </ul>
	Imunisasi terhadap demam campak yang mudah berjangkit memberi faedah secara langsung kepada individu tertentu.	Masyarakat tidak dijangkiti penyakit demam campak dan produktiviti pekerja tidak terjejas.
	Pendidikan bermanfaat kepada individu tertentu.	Faedah kepada masyarakat seperti guna tenaga yang produktif dan serba boleh serta mengurangkan perbelanjaan terhadap pencegahan jenayah.

5. Langkah membetulkan kos luaran/eksternaliti negatif

- (a) **Undang-undang** – mengehadkan atau melarang pencemaran / mendenda firma yang menyebabkan pencemaran.
- (b) **Cukai spesifik** – cukai per unit barang dikenakan terhadap output firma yang menyebabkan pencemaran.

6. Langkah membetulkan faedah luaran/eksternaliti positif

- (a) **Subsidi kepada pengguna** – kerajaan memberi pinjaman dengan kadar faedah yang rendah kepada pelajar. Pinjaman tersebut dapat menambahkan permintaan terhadap pengajian tinggi.
- (b) **Subsidi kepada pengeluar** – kerajaan memperuntukkan lebih banyak bajet untuk pusat pengajian tinggi. Subsidi akan menurunkan kos dan menambahkan penawaran pengajian tinggi.